

PEMBIAYAAN KENDERAAN SECARA ISLAM DI MALAYSIA

2.0 Pendahuluan

Pembiayaan kenderaan merupakan satu kaedah yang membolehkan seseorang itu mendapatkan kenderaan yang diperlukan dengan mudah melalui bayaran ansuran tanpa perlu mengumpul wang untuk membelinya secara tunai. Sejarah dengan perubahan zaman, keperluan kepada kenderaan kini amat mendesak bagi tujuan perhubungan dan pengangkutan, malah boleh dianggap sebagai keperluan asas dalam kehidupan manusia di zaman moden. Secara ringkasnya pembiayaan kenderaan dengan margin pembiayaan yang kecil seperti motosikal biasanya ditawarkan oleh syarikat kewangan bersaiz kecil seperti Aeon Credit, Singer, Courts Mammoth dan sebagainya manakala pembiayaan yang sederhana dan besar melibatkan kereta, bas dan lori ditawarkan oleh kebanyakan institusi kewangan dan perbankan di dalam negara yang lebih stabil. Kemudahan pembiayaan ini sama ada yang Islam atau sebaliknya amat mudah didapati di pasaran dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat yang berkecukupan. Perkembangan industri pembiayaan kenderaan amat berkait rapat dengan kemajuan industri dan teknologi pembuatan kenderaan itu sendiri, kemakmuran dan kemajuan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat serta kemudahan infrastruktur jalanraya di sesebuah negara. Malaysia antara negara yang sedang membangun dan sedang menuju ke arah negara maju bernilai tambah dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020 secara langsung sedang merencanakan kedua-dua industri ini maju dengan pesatnya.

2.1 Konsep Pembiayaan dalam Islam

Konsep pembiayaan yang berkait rapat dalam aktiviti kewangan mempunyai sandaran yang kukuh dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Malah ia merupakan kesinambungan daripada

amalan perniagaan dan perdagangan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam yang menggunakan prinsip *muḍārabah* dan *mushārahah* dalam pembiayaan modal perniagaan mereka. Walaupun ia tidak dinyatakan secara khusus tetapi boleh diperolehi melalui beberapa hadis Nabi s.a.w. dan amalan para sahabat yang berkaitan jual beli, sewa-menyewa dan pinjaman. Islam telah meletakkan keadilan dan memelihara hak setiap ahli masyarakat dalam aktiviti ekonomi tersebut dengan menghapuskan amalan riba, ketidaktentuan, monopoli, perjudian dan perhambaan yang berleluasa ketika itu melalui pendekatan beransur-ansur dan berhikmah.

Istilah *al-qirād*, *al-muḍārabah*¹ dan *al-tamwīl* sering digunakan bagi merujuk kepada kemudahan pembiayaan dalam Islam yang mempunyai maksud yang hampir sama, walau bagaimanapun istilah *al-tamwīl* lebih sinonim digunakan dalam konteks perbankan Islam hari ini. Pembiayaan merupakan elemen penting kerana berupaya memajukan ekonomi negara dan menggerakkan pembangunan sosio-ekonomi umat dengan mewujudkan peluang keusahawanan, membasmi kemiskinan dan pengagihan kekayaan di kalangan masyarakat. Sebagaimana yang diketahui umum, penubuhan institusi perbankan Islam hanya bermula pada tahun 1970-an, iaitu selepas sekian lama kewujudan sistem perbankan konvensional di persada dunia. Kewujudan institusi perbankan Islam pada peringkat awal itu secara seiringan mula membangunkan instrumen pembiayaan berlandaskan Syariah sebagai alternatif kepada pinjaman yang ditawarkan oleh perbankan konvensional bagi memenuhi keperluan semasa khususnya masyarakat Islam. Oleh kerana pembiayaan merupakan kaedah berhutang, keperluan kepadanya pada peringkat awal ini tidak begitu ketara memandangkan masyarakat Islam pada masa itu amat berpegang kepada prinsip tidak suka berhutang dan cukup dengan apa yang mereka telah perolehi.

¹ *Al-qirād* adalah bahasa yang digunakan oleh orang-orang Mekah yang bermaksud sejumlah modal yang diberi kepada seseorang untuk diurusniagakan, manakala *al-muḍārabah* pula bahasa yang digunakan oleh orang-orang Iraq yang bermaksud keluar bermusafir untuk menjalankan perniagaan di merata tempat di muka bumi. Lihat Osman Sabran, *Urus Niaga al-Qard al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 3-4.

Sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat Islam semasa zaman Rasulullah s.a.w., mereka yang berhutang adalah di kalangan mereka yang benar-benar terdesak dan layak untuk menerima zakat.² Walau bagaimanapun pinjaman dan pembiayaan merupakan aktiviti utama bagi penubuhan sesebuah institusi perbankan untuk menjana pendapatan dan keuntungan. Oleh itu ia tidak dapat tidak menjadi agenda utama perkembangan industri perbankan Islam. Di samping itu, kewujudan institusi perbankan konvensional yang menawarkan pinjaman dan pengaruh pendidikan dan budaya yang diterima oleh masyarakat Islam kesan dari penjajahan barat ke dalam negara Islam sedikit sebanyak telah mengubah persepsi masyarakat Islam tempatan terhadap nilai kebendaan dan konsep pembiayaan itu sendiri.

Dalam Islam pembiayaan terbahagi kepada dua iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang.³ Pembiayaan ekuiti atau juga dikenali sebagai pembiayaan berasaskan perkongsian untung rugi diertikan sebagai pembiayaan yang dibuat melalui kontrak-kontrak perkongsian (*'uqūd al-ishtirāk*) antara dua pihak atau lebih melibatkan modal masing-masing dan usaha atau kepakaran dalam sesuatu projek atau bidang keusahawanan atau perniagaan dan hasil keuntungan dari usahasama tersebut diagihkan berdasarkan nisbah modal dan usaha pihak-pihak yang terlibat. Prinsip *mushārah* dan *muḍārah* merupakan prinsip utama yang digunakan dalam pembiayaan secara ekuiti. Menurut penjelasan Bank Islam Antarabangsa bagi Pelaburan dan Pembangunan, prinsip *mushārah* merupakan salah satu kaedah pembiayaan yang terbaik bagi perbankan Islam kerana berasaskan penglibatan bank dan rakan kongsi (pelanggan) dalam sesuatu projek

² Lihat Mohd Nazari Ismail, "Aspek Tarbiah Dalam Pelaksanaan Sistem Kewangan Islam," 2. Banyak hadis Nabi s.a.w. yang menunjukkan kesan negatif dari amalan berhutang seperti dipandang rendah oleh masyarakat, mudah dikuasai oleh orang lain dan boleh membawa kepada kekufuran.

³ Pembiayaan ekuiti juga digelar sebagai *strongly Islamic* kerana selari dengan objektif dalam bentuk dan isinya manakala pembiayaan hutang dikenali sebagai *weakly Islamic* kerana selaras dengan kehendak Islam dalam bentuk tetapi tidak dalam intipatinya dan ia hanya digunapakai apabila pembiayaan ekuiti tidak dapat dilaksanakan. Lihat Abbas Mirakhor, "Short-term Asset Concentration and Islamic Banking" dalam *Theoretical Studies in Islamic Banking and Finance*, ed. Mohsin S. Khan dan Abbas Mirakhor (Houston: The Institute for Research and Islamic Studies, 1987), 185-199.

terutamanya dalam perkongsian mereka ke atas keuntungan dan kerugian yang berlaku.⁴ Melalui prinsip-prinsip tersebut, sesebuah bank Islam bukanlah berperanan sebagai pemberi pinjaman, tetapi akan melaburkan wang dalam mana-mana perniagaan yang menguntungkan dan berkongsi sebarang risiko dengan pengusaha perniagaan.⁵ Menurut ahli ekonomi Islam, prinsip ini bukan sahaja dapat mewujudkan keadilan tetapi juga kecekapan, kestabilan dan pertumbuhan ekonomi.⁶ Bahkan ia bukan sahaja digunakan oleh orang Islam semasa zaman kegemilangan tamadun mereka tetapi juga oleh orang yahudi dan kristian untuk mengembangkan perdagangan mereka yang menunjukkan bahawa amalan pinjaman berasaskan bunga dan riba tidak menjadi kebiasaan masyarakat pada masa itu.⁷ Prinsip yang berasaskan perkongsian untung rugi ini sebenarnya telah berjaya mendominasi dunia kewangan selama lapan abad iaitu sehingga pertengahan abad ke 17 sebelum keunggulannya hilang kepada pembiayaan berasaskan hutang akibat dari runtuhnya nilai amanah secara menyeluruh di Eropah dan di tempat-tempat lain.⁸

Manakala pembiayaan hutang pula merupakan pembiayaan yang dibuat melalui bayaran bertanggung dengan menggunakan kontrak-kontrak pertukaran (‘uqūd al-mu‘āwadhāt) seperti jual beli dan sewaan yang harganya dijelaskan secara ansuran dalam tempoh yang dipersetujui bersama serta tidak mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan syarak seperti riba, *gharar*, judi, penindasan dan seumpamanya. Pembiayaan

⁴ Abdullah Saeed, *Islamic Banking and Interest: A Study of the Prohibition of Riba and its Contemporary of Interpretation* (Lieden: E.J. Brill, 1996), 62.

⁵ Perbezaan di antara keduanya; *muḍārabah*, apabila berlaku kerugian, bank perlu menanggung semua kerugian tersebut dan *mushārahah*, bank hanya perlu menanggung sebahagian daripada kerugian berdasarkan peratusan yang dipersetujui semasa perjanjian dimeterai. Lihat Muhammad Hafiz Othman, “Isu Perbankan Islam: Pembiayaan Berasaskan Hutang,” *Dewan Ekonomi*, Jun 2010, 25.

⁶ Traute Wohlers-Scharf, *Arab and Islamic Banks* (Paris: Organisation for Economic Co-Operation and Development, 1983), 75.

⁷ Lihat M. Umer Chapra dan Tariqullah Khan, *Regulation and Supervision of Islamic Banks* (Jeddah: Islamic Development Bank, 2000), 1-2.

⁸ Terdapat beberapa faktor pembiayaan ini digantikan dengan pembiayaan berasaskan hutang iaitu hilangnya pendidikan tentang pengharaman bunga dan faedah; kemunculan dan pertumbuhan pesat unit rezab bank yang menjadi perantara kredit berasaskan kadar tetap; pengaliran masuk kekayaan dari tanah jajahan eropah di Amerika dan tempat-tempat lain dan juga kemunculan negara bangsa yang kerajaannya memerlukan dana bagi membiayai peperangan dan aktiviti dalam negara. Lihat Muhammad Ridhwan Ab Aziz, *Islamic Banking and Finance in Malaysia: System, Issues and Challenges* (Bandar Baru Nilai: USIM Publisher, 2013), 195-196.

hutang yang tidak melibatkan pertambahan harga dalam Islam lebih dikenali sebagai *al-qard al-ḥasan* yang dibuat atas dasar kebajikan bagi membantu pihak yang memerlukan. Manakala yang melibatkan pertambahan harga atau keuntungan dikenali dengan nama-nama seperti *bay‘ al-murābahah*, *bay‘ bithaman ājil*, *al-ijārah thumma al-bay‘*, *bay‘ al-istiṣnā‘* dan sebagainya yang banyak digunakan dalam industri perbankan hari ini. Di Pakistan, servis caj dikenakan ke atas pinjaman atau hutang merupakan salah satu kaedah yang disarankan bagi pembiayaan produk perbankan Islam oleh Majlis Ideologi Islam negara tersebut sejajar dengan proses Islamisasi sistem perbankan mereka, walau bagaimanapun ia tidak digunakan dengan meluas di negara-negara lain.⁹ Ulama sepakat pertambahan harga dalam kontrak jual beli akibat penangguhan bayaran merupakan untung dan diharuskan pengambilannya yang tidak termasuk dalam istilah riba yang diharamkan.

Kedua-dua pembiayaan yang disebutkan di atas adalah diharuskan dalam Islam bersandarkan nas yang kukuh. Namun dalam konteks perbankan Islam sesetengah ilmuan Islam menyarankan perbankan Islam seharusnya beroperasi berasaskan pembiayaan ekuiti atau perkongian untung rugi atau dengan kata lain lebih mengutamakan berbanding pembiayaan secara hutang.¹⁰ Ini dapat dilihat di peringkat awal penubuhan institusi perbankan Islam di Timur Tengah pada tahun 1970-an dan 1980-an. Namun pada masa yang sama hal ini berlaku sebaliknya di Malaysia dan negara-negara di rantau Asia Tenggara, banyak instrumen-instrumen pembiayaan dibuat berasaskan pembiayaan hutang berbanding dengan pembiayaan ekuiti. Justifikasi yang sering diberikan oleh penyokong perbankan Islam aliran ini antaranya ialah faktor persaingan, situasi dan keadaan perundangan semasa, pulangan keuntungan yang lebih dan risiko yang sedikit.¹¹ Keadaan ini seolah-olah menggambarkan pembiayaan Islam menyerupai pembiayaan konvensional

⁹ Sudin Haron dan Bala Shanmugam, *Islamic Banking System: Concepts & Applications* (Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1997), 112.

¹⁰ Lihat Mohsin S. Khan dan Abbas Mirakhor, "The Framework and Practice of Islamic Banking," dalam *Theoretical Studies in Islamic Banking and Finance*, ed. Mohsin S. Khan dan Abbas Mirakhor (Houston: The Institute for Research and Islamic Studies, 1987), 6.

¹¹ Muhammad Hafiz Othman, "Isu Perbankan Islam," 26.

tetapi menggunakan kontrak-kontrak pertukaran sebagai penyamaran. Hakikatnya kedua-dua pembiayaan ini amat diperlukan dalam sesebuah sistem kewangan bagi memenuhi semua kehendak masyarakat yang mempunyai kebebasan bekerja, memperolehi pendapatan dan memiliki harta. Kadangkala terdapat anggota masyarakat memerlukan kepada pembiayaan ekuiti dan pada waktu yang lain, pembiayaan hutang pula diperlukan.¹² Secara konsepnya, Islam tidak melarang atau meletak sebarang keutamaan ke atas sesuatu bentuk pembiayaan ke atas bentuk pembiayaan yang lain. Apa yang penting, pembiayaan itu mestilah bertepatan dengan lunas-lunas syarak.¹³ Pembiayaan hutang dilihat kurang memberi risiko, tidak memerlukan pengawalan dan penyeliaan rapi dengan kos yang tinggi ditanggung oleh pembiaya (institusi perbankan), malah ia merupakan salah satu daripada instrumen pembiayaan yang pelbagai yang mana ada sesetengah produk dan perkhidmatan tidak sesuai digunakan melalui kaedah pembiayaan secara ekuiti.¹⁴

Jelaslah di sini konsep pembiayaan amat berbeza dengan konsep pinjaman di dalam Islam yang mana pembiayaan boleh melibatkan penambahan harga kerana dibuat berasaskan kontrak-kontrak pertukaran dan perkongsian yang jelas diharuskan dalam Al-Qur'an dan al-Sunnah. Sebaliknya konsep pinjaman tidak boleh disyaratkan pertambahan harga kerana pertambahan kepada pinjaman merupakan riba dan tujuan utamanya membantu mereka yang berada dalam kesempitan. Oleh yang demikian hanya istilah *al-qard al-ḥasan* sahaja yang merujuk kepada pinjaman yang dibenarkan dalam Islam yang mana bila dikaitkan dengan industri perbankan hari ini penggunaannya amat terhad kerana tidak mempunyai unsur-unsur komersil yang sesuai dengan matlamat sesebuah institusi

¹² Ab Mumin Ab Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 380.

¹³ Aznan Hasan, "Produk Kewangan Islam Untuk Pembiayaan Sektor Berteknologi Tinggi: Kepentingan Perkongsian Risiko Bagi Menggalakkan Penyertaan Umat Islam" (kertas kerja, Seminar Kebangsaan Kesan Sistem Kewangan Islam Di Malaysia Terhadap Kekuatan Ekonomi Ummah: Satu Penilaian, Institut Kefahaman Islam Malaysia Kuala Lumpur, 6-7 Disember 2011), 3.

¹⁴ "Rethinking the Direction of Islamic Finance," *ISRA Bulletin*, vol. 12, 2012, 2-3.

perniagaan. Kadangkala istilah pinjaman disalahgunakan bagi merujuk kepada pembiayaan dalam perbankan Islam yang menampakkan ia mempunyai persamaan dengan perbankan konvensional yang jelas mengamal riba. Keadaan ini masih berlaku dan mengelirukan masyarakat terutamanya apabila perbankan Islam subsidiari dilihat beroperasi bersama-sama dengan perbankan induk konvensional di bawah satu bumbung. Justeru itu penggunaan istilah mestilah tepat dengan merujuk pembiayaan hanya kepada produk pembiayaan berdasarkan kontrak-kontrak pertukaran dan perkongsian, manakala pinjaman pula merujuk kepada pinjaman tanpa apa-apa tambahan dalam perbankan Islam, manakala pinjaman yang disandarkan kepada bunga (interest) hanya dikaitkan dalam perbankan konvensional.

Konsep pembiayaan yang ditawarkan dalam industri perbankan dan kewangan Islam moden hari ini banyak menggabungkan kontrak-kontrak lain (kontrak-kontrak hibrid) yang berkaitan bagi disesuaikan dengan keperluan semasa dan pada masa yang sama selaras dengan kehendak Syariah. Walaupun konsep-konsep yang digunapakai tidak pernah diperbahaskan oleh ulama muktabar dari imam-imam empat mazhab dan murid-murid mereka terkemudian, namun ia berasaskan kaedah-kaedah asal dalam muamalah Islam seperti jual beli, *ijārah*, *mushārahah*, *muḍārabah*, *wakālah*, *wa'd*, *istiḥsān* dan sebagainya yang akhirnya mewujudkan konsep-konsep pembiayaan seperti *al-bay' bithaman ājil*, *al-ijārah thumma al-bay'*, *al-ijārah wa iqtinā'*, *al-ijārah muntahiyah bi al-tamlīk*, *mushārahah mutanāqīṣah*, *al-istiḥnā'*, *tawarruq* dan sebagainya. Seperkara penting yang ada kaitan dengan kemunculan konsep-konsep gabungan ini ialah kerana wujudnya persaingan dari industri perbankan konvensional dalam *dual banking system* yang menawarkan produk yang sama dan setanding tetapi tidak berlandaskan kepada Syariah.

Kebiasaannya dalam sesebuah institusi perbankan, segmen perbankan dibahagikan kepada tiga kelompok utama iaitu perbankan pengguna (konsumer), perbankan perdagangan (komersil) dan perbankan korporat. Keadaan ini sama berlaku kepada segmen

pembiayaan yang menjadi teras kepada perbankan itu sendiri selain segmen deposit. Pembiayaan pengguna atau juga dikenali dengan pembiayaan runcit adalah satu kelompok pembiayaan ke atas sektor isi rumah atau individu dengan nilai setiap satunya sedikit tetapi bilangannya banyak yang terdiri dari pembiayaan hartanah (perumahan), pembiayaan kenderaan, pembiayaan peribadi nota tunai, kad kredit dan seumpamanya. Ia merupakan kelompok terbesar dan penyumbang utama pendapatan dalam segmen pembiayaan. Manakala pembiayaan komersil pula berkaitan dengan pembiayaan yang melibatkan sektor perniagaan (trading) dan perdagangan seperti pembiayaan modal pusingan, surat kredit, jaminan kapal, jaminan bank, overdraf dan seumpamanya. Sementara pembiayaan korporat pula ialah pembiayaan yang melibatkan badan-badan korporat bagi suatu jumlah atau nilai yang banyak tetapi dibuat dalam kontrak yang sedikit bilangannya seperti peralatan dan aset perdagangan, projek pembinaan dan sebagainya. Amalan pembiayaan dalam konteks Islam seharusnya dibuat berlandaskan Syariah dalam segenap aspek operasinya sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini dan memberi perhatian kepada konsep hijau yang selari dengan Islam iaitu mengandungi elemen sosial, etika dan mesra alam dengan mengekang kemusnahan alam sekitar dalam jangka panjang, menyokong pembangunan mampan yang mana ditujukan kepada sektor pelancongan, pembekalan air bersih, pertanian, perikanan, pengurusan sisa buangan dan perhutanan.¹⁵

2.2 Pembiayaan Kenderaan dalam Sistem Perbankan Islam

Pada amnya pembiayaan kenderaan berkembang perlahan-lahan seiring dengan penubuhan institusi perbankan Islam itu sendiri sekitar 1970-an dan 1980-an dan juga perkembangan kemudahan pembiayaan lain yang ditawarkan kepada masyarakat selepas itu. Pada ketika itu, pembiayaan kenderaan tidak begitu menonjol kerana rata-rata negara Islam masih terikat dengan ekonomi barat terutama dalam industri pembuatan kenderaan. Mereka

¹⁵ "IBFIM tingkat produk kewangan konsep hijau," *Berita Harian*, 16 April 2012, E2.

mengimport kendaraan dari negara luar untuk pasaran tempatan.¹⁶ Institusi perbankan Islam yang kebanyakannya berada di negara Islam yang baru berkembang itu merupakan pemain baru dalam industri pembiayaan kendaraan yang telahpun didominasi oleh institusi perbankan konvensional. Antara kaedah konvensional bagi pembiayaan kendaraan yang banyak digunakan secara menyeluruh ialah sewa beli. Dengan perkembangan kedua-dua industri itu sendiri, pembiayaan kendaraan telah mampu menyumbang pendapatan dan keuntungan kedua terbesar dan telah menyaksikan persaingan sengit di kalangan pemain dalam industri ini sejak dari awal tahun 1980-an lagi.¹⁷

Konsep Syariah yang digunakan dalam kemudahan pembiayaan kendaraan yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam seluruh dunia ialah *al-ijārah wa iqtinā'*, *al-ijārah muntahiyah bi al-tamlīk*, *al-ijārah thumma al-bay'*, *al-murābahah*¹⁸ dan juga *bay' bithaman ājil* (BBA). Seperti yang diperjelaskan sebelum ini, ketiga-tiga konsep terawal tadi mempunyai persamaan dalam bentuk teori dan praktikalnya walaupun menggunakan istilah yang berbeza dan telah menjadi konsep utama yang digunakan di seluruh dunia Islam sebagaimana konsep yang hampir sama iaitu sewa beli (hire-purchase) yang digunakan dengan meluas dalam pasaran pembiayaan konvensional. Kesahan pembiayaan secara sewa beli Islam atau lebih dikenali dengan AITAB telahpun diputuskan oleh fatwa Akademik Fiqh Islam di Jeddah sejak tahun 1985 yang membenarkan penggabungan kontrak sewaan dan jualan dengan syarat melibatkan satu

¹⁶ Arab Saudi contohnya mengimport lebih 300 ribu buah kendaraan setiap tahun dengan nilainya berjumlah lebih USD8 bilion setahun. Lihat Ibrahim A. Mardam-Bey, "Recent developments in Islamic auto finance products" dalam *Islamic Retail Banking and Finance: Global Challenges and Opportunities*, ed. Sohail Jaffer (London: Euromoney Books, 2005), 108.

¹⁷ Di peringkat global, industri pembiayaan kendaraan konvensional telah mencapai peringkat matang dan diiktiraf sekian lama potensinya oleh institusi perbankan antarabangsa dan telah membangunkan produk yang amat efisien dan canggih kepada pelanggan. Bahkan sesetengah syarikat pembuatan kendaraan juga telah menceburi industri ini melalui anak syarikat mereka. *Ibid.*

¹⁸ Pembiayaan murabahah bagi pembiayaan kendaraan ditawarkan oleh Bank Islam Dubai. Lihat Rodney Wilson, "The Growth of Islamic banking and product development among Islamic retail banks" dalam *Islamic Retail Banking and Finance: Global Challenges and Opportunities*, ed. Sohail Jaffer (London: Euromoney Books, 2005), 21. Begitu juga di Indonesia selain *al-ijārah muntahiyah bi al-tamlīk* dan Sudan dengan ciri-ciri tertentu seperti memiliki stok barangan yang akan dijual, margin keuntungan yang terhad dan kategori murabahah yang terbatas. Lihat Ascarya, *Akad & Produk Bank Syariah* (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2007), 141 dan 244.

barangan yang sama. Tiga konsep terawal tadi dan *al-murābahah* juga banyak digunakan di negara-negara Timur Tengah termasuklah negara-negara kerjasama Teluk (GCC),¹⁹ Afrika Utara, Iran dan Malaysia. Manakala konsep BBA digunapakai di sesetengah institusi perbankan Islam di Asia Tenggara termasuk Malaysia, Indonesia dan Brunei. Sebagai tambahannya, satu fatwa yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Sarjana Islam Antarabangsa telah menggariskan bahawa pembiayaan sewa beli Islam sepatutnya mengandungi kontrak sewaan (*ijārah*) dan hadiah (*hibah*) yang dibuat melalui tiga keadaan iaitu;²⁰

- i. Tempoh sewaan mestilah ditentukan secara spesifik dan peraturannya mesti terpakai semasa tempoh tersebut.
- ii. Jumlah bayaran sewa dalam tempoh tersebut mestilah ditetapkan.
- iii. Perpindahan milikan dari pemilik kepada penyewa disempurnakan melalui cara hibah di akhir tempoh sewaan.

Ketiga-tiga konsep awal itu juga mengandungi dua kontrak yang digabungkan iaitu *ijārah* dan *bay'*, *tamlīk* dan *iqtinā'* (pembelian dan pemilikan) yang berlaku apabila institusi perbankan Islam membeli aset yang dimaksudkan daripada pemiliknya yang asal (pengeluar dan pengedar kenderaan) terlebih dahulu dan kemudiannya menyewakannya kepada pelanggan secara ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan. Setelah kesemua bayaran sewa telah dibuat, pelanggan akan diberi pilihan untuk membeli aset tersebut dan hakmilik akan berpindah kepada pelanggan. Oleh kerana institusi perbankan mempunyai hakmilik penuh terhadap kenderaan tersebut semasa tempoh sewaan, mereka mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan bersesuaian seperti penarikan balik kenderaan (repossession) apabila berlaku tunggakan bagi mengelak kerugian dan kehilangan. Bagi

¹⁹ Brian Kettel, *Introduction to Islamic Banking and Finance* (Chichester: John Wiley & Son Ltd, 2011), 52.

²⁰ Asyraf Wajdi Dusuki dan Nurdianawati Irwani Abdullah, *Fundamentals of Islamic Banking* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 192-193.

konsep *al-murābahah* dan BBA pula, institusi perbankan juga pada awalnya membeli atau memiliki aset tersebut terlebih dahulu sama ada dari pengedar ataupun pelanggan dan kemudiannya menjulkannya kepada pelanggan dengan harga termasuk penambahan untung secara tangguh melalui ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan. Bezanya ialah pemilikan kenderaan tersebut adalah di bawah pelanggan walaupun harga jualan masih belum dijelaskan sepenuhnya. Oleh yang demikian pihak pembiaya tidak boleh sewenang-wenangnya menarik balik kenderaan tersebut apabila berlaku tunggakan.

Di Malaysia, konsep BBA merupakan konsep terawal yang digunakan oleh BIMB dalam pembiayaan kenderaannya dan pembiayaan-pembiayaan runcit yang lain sejak dari awal penubuhan dan menjadi konsep yang meluas penggunaannya terutama bagi pembiayaan perumahan oleh kebanyakan institusi perbankan Islam lain hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun bagi pembiayaan kenderaan, konsep ini tidak begitu meluas digunakan oleh institusi perbankan sebagaimana dalam pembiayaan perumahan. Sementara itu, konsep *al-ijārah thumma al-bay'* atau lebih dikenali AITAB adalah yang paling banyak digunakan dalam kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam. Ia mula digunakan oleh institusi perbankan, syarikat kewangan dan pertubuhan koperasi bermula tahun 1993 dan termasuk dalam senarai 21 produk perbankan Islam yang diperkenalkan semasa pengenalan SPTF yang sebelum itu tidak dikenali di dalam industri perbankan Islam.²¹ Konsep ini dilihat mempunyai persamaan dengan konsep sewa beli konvensional yang telah lama bertapak dalam negara dan mempunyai aktanya yang khusus iaitu Akta

²¹ Lihat Bank Negara Malaysia, *The Development of Islamic Banking in Malaysia* (Kuala Lumpur: BNM, 1994), 329-330. Konsep ini juga diperkenalkan oleh BIMB menggunakan nama *ijārah muntahiyah bi al-tamlīk* dalam kemudahan pembiayaan korporat pada tahun 1983 dan kemudiannya dikembangkan oleh institusi perbankan konvensional dalam Skim Perbankan Islam (SPI) yang dipelopori oleh tiga bank utama iaitu Malayan Banking Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Corporation Berhad serta syarikat kewangan dan pertubuhan koperasi selepas itu. Lihat Asyraf Wajdi Dusuki, *Islamic Finance: An Old Skeleton in a Modern Dress*, 179-180; BNM, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: BNM, 1994), 357-359; Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam, *Islamic Banking: A Practical Perspective*, 148. Nama *bay' al-ta'jīri* atau prinsip *al-ta'jīri* juga digunakan bagi maksud yang sama. Lihat Abd Ghafar Ismail dan Surtahman Kastin Hasan, *Bank Perdagangan Di Malaysia: Struktur dan Pengurusan Dana* (Kuala Lumpur: DBP, 1993), 60; Shamsudin Ismail, *Pengurusan Bank Perdagangan Di Malaysia*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 365.

Sewa Beli (Hire-Purchase Act 1967) bagi melindungi kepentingan dan hak pihak yang terlibat. Di samping mempunyai akta khusus, kemudahan pembiayaan secara konvensional ini disokong oleh badan kehakiman sivil yang lengkap dan undang-undang substantif yang lain. Walau bagaimanapun akta ini membenarkan penggunaan dan pengenaan bunga terhadap para pelanggan yang tertunggak bayaran yang jelas tidak selaras dengan kehendak Islam. AITAB merupakan salah satu pendekatan terkini yang inovatif dalam sewa beli Islam sebagai satu produk alternatif kepada sewa beli konvensional. Konsep ini diperkenalkan oleh sarjana Islam sebagai produk baru menerusi ijtihad mereka berdasarkan kontrak tradisional Islam iaitu *al-ijārah* dan *al-bay'*.²² Namun ketiadaan akta khusus yang menyokong operasinya menyebabkan terpaksa bergantung kepada Akta Sewa Beli 1967 (HP Act) dilihat seolah-olah seperti pembiayaan sewa beli secara konvensional.²³ Keadaan yang sama berlaku kepada konsep BBA dan konsep-konsep lain yang digunakan dalam pembiayaan kenderaan.²⁴ Untuk mengetahui kedudukan penggunaan konsep-konsep Syariah dalam pembiayaan kenderaan di institusi perbankan Islam di Malaysia bolehlah dilihat dalam jadual di bawah;

Jadual 2.1 Senarai Institusi Perbankan Islam dan Kaedah Pembiayaan Kenderaan

Bil	Nama institusi	Konsep yang digunakan
1.	Bank Islam Malaysia Berhad	BBA
2.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	AITAB dan BBA
3.	RHB Islamic Bank Berhad	AITAB
4.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	AITAB dan Tawarruq
5.	Alliance Islamic Bank Berhad	AITAB

²² Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam, 147.

²³ Penentuan kadar keuntungan yang tetap, dokumentasi yang seragam dan pembentukan perjanjian yang terdapat dalam AITAB adalah antara aspek-aspek yang menyamai dengan kehendak Akta Sewa Beli. *Ibid.*, 155.

²⁴ Di samping HP Act, kemudahan pembiayaan kenderaan juga menggunakan prinsip Akta Kontrak 1950. *Ibid.*

6.	AmIslamic Bank Berhad	AITAB
7.	CIMB Islamic Bank Berhad	AITAB
8.	Hong Leong Islamic Bank Berhad	AITAB
9.	Maybank Islamic Bank Berhad	AITAB
10.	Public Islamic Bank Berhad	AITAB
11.	Affin Islamic Bank Berhad	AITAB
12.	Kuwait Finance House (M) Bhd	AITAB
13.	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (M) Bhd	BBA/Murabahah
14.	HSBC Amanah Malaysia Bhd	Tiada kemudahan
15.	Asian Finance Bank Bhd	Tiada kemudahan
16.	OCBC Al-Amin Bank Bhd	Tiada kemudahan
17.	Standard Chartered Saadiq Bhd	Tiada kemudahan

Sumber: Laman sesawang institusi perbankan terlibat dan temubual dengan pegawai institusi berkenaan yang dibuat pada bulan Julai, September dan November 2013.

Kebanyakan konsep AITAB adalah kesinambungan dari konsep sewa beli konvensional yang telah lama dilaksanakan oleh kebanyakan syarikat kewangan dengan pesatnya pada tahun 1980-an dan 1990-an. Apabila syarikat kewangan menyertai fasa kedua SPTF pada penghujung tahun 1993 dengan kemasukan lapan buah institusi tersebut, operasi pembiayaan kenderaan mula beransur-ansur bertukar kepada cara Islam dan menjadi operasi utama sehinggalah kepada penubuhan subsidiari Islam dari perbankan induk konvensional pada tahun 2004. Ia mudah diteruskan kerana mempunyai persamaan dan telahpun diterima di dalam industri berkenaan. Namun bagi institusi perbankan Islam asing yang beroperasi di dalam negara, selain AITAB, terdapat konsep-konsep lain yang digunakan seperti *murābahah* dan *musāwamah* kerana konsep tersebut telah digunakan di negara asal institusi tersebut atau digunakan di peringkat global. Bagi konsep BBA pula, ia

digunakan oleh beberapa buah institusi perbankan sahaja iaitu Bank Islam (M) Berhad, Bank Muamalat (M) Berhad dan Al Rajhi Bank. Di BIMB, konsep BBA digunakan dalam keseluruhan kemudahan pembiayaan kenderaannya manakala di BMMB, hanya bagi pembiayaan yang melebihi 90 peratus dari harga kenderaan dan di Al Rajhi Bank pula ia digunakan dalam keseluruhan produk pembiayaan kenderaan dengan margin pembiayaan yang terhad sehingga 90 peratus sahaja. Ia juga pernah digunakan di Bank Rakyat bagi pembiayaan yang melebihi 90 peratus tetapi telah diberhentikan setelah dua tahun pelaksanaannya.²⁵ Di samping konsep-konsep sedia ada yang telah digunakan tadi terdapat konsep lain yang dicadangkan oleh ilmuan Islam untuk digunakan bagi kemudahan ini antaranya ialah *mushārahah mutanāqīshah* yang telah mula digunakan dalam kemudahan pembiayaan perumahan.²⁶

Pembiayaan kenderaan merupakan pembiayaan perbankan runcit yang menjadi keutamaan selepas pembiayaan perumahan oleh kebanyakan institusi perbankan sama ada yang Islam atau konvensional. Jumlah pembiayaan ini meliputi kira-kira 20 peratus dari keseluruhan pembiayaan perbankan bagi sektor isi rumah iaitu kedua tertinggi selepas pembiayaan untuk harta kediaman.²⁷ Keadaan ini disebabkan oleh proses penilaian kreditnya dan dokumentasinya agak mudah dan ringkas, tempoh bayaran balik yang sederhana, mampu menjana pendapatan yang tinggi, mendapat pelepasan cukai²⁸ dan

²⁵ Ia dikenali dengan Pembiayaan kenderaan *al-Naqlu 2* yang mempunyai unsur *bay' al-ṭimah* dimana bank akan membeli aset dari pelanggan menerusi dokumen *Property Purchase Agreement* (PPA) dan menjual semula kepada pelanggan. Lihat Tuan Norisah Tuan A. Talib, "Analisis Skim Pembiayaan Kenderaan Kakitangan Awam di Bank Rakyat Malaysia Berhad" (latihan ilmiah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 63. Kini Bank Rakyat menggunakan kaedah *tawarruq* dalam pembiayaan kenderaannya bagi margin pembiayaan melebihi 90 peratus. Md Zulkifli Taib (Pengurus Bank Rakyat, cawangan Kota Bharu), dalam temubual dengan penulis, 11 Julai 2013.

²⁶ Nooraslinda Abdul Aris et al., "Islamic house financing: Comparison between *Bay' Bithaman Ajil* (BBA) and *Musharakah Mutanaqisah* (MM)" dalam *African Journal of Business Management*, vol. 6(1), 11 January 2012, 271.

²⁷ Kajian terperinci yang dibuat BNM menunjukkan peminjaman isi rumah semakin meningkat sejak 10 tahun lalu dengan mencatat peningkatan pada kadar 12.5 peratus pada Disember 2011. Hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 76.6 peratus. Pengalaman yang dilalui beberapa negara menunjukkan peminjaman yang berlebihan dan peningkatan ketara keberhutangan isi rumah memberi kesan buruk kepada ekonomi. "Garis panduan baru Bank Negara lindungi pengguna," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12.

²⁸ Asyraf Wajdi Dusuki dan Nurdianawati Irwani Abdullah, *Fundamental of Islamic Banking*, 195.

asetnya mudah dilupakan walaupun mempunyai lebih risiko berbanding pembiayaan perumahan. Risiko yang ada tersebut diatasi oleh institusi kewangan dengan membuat penilaian ketat di peringkat awal dan tindakan susulan dan litigasi yang cekap apabila terdapat tanda-tanda awal akaun pelanggan akan bermasalah. Kedudukan akaun-akaun tidak membayar (NPF) bagi pembiayaan kenderaan masih berada di tahap yang memuaskan iaitu sekitar 1 hingga 2 peratus secara keseluruhannya.²⁹ Di samping itu juga, tumpuan kebanyakan institusi perbankan Islam yang menawarkan kemudahan pembiayaan kenderaan ialah ke atas kategori kenderaan baru penumpang sahaja dan model-model yang telah dikenali dalam industri permotoran di samping model keluaran nasional. Selain pembiayaan kenderaan baru, pembiayaan kenderaan terpakai, *recondition* dan pembiayaan semula kenderaan juga ditawarkan oleh sesetengah institusi perbankan secara terhad kerana lebih berisiko berbanding kenderaan baru. Kadar keuntungan yang dikenakan menggunakan kadar rata *sum of digit* (SOD) kini lebih rendah iaitu sekitar 2 hingga 3 peratus setahun dengan penurunan beransur-ansur jika dibandingkan pada tahun-tahun awal pengenalannya. Ketika kegawatan ekonomi negara pada tahun 1997 yang lalu, kadarnya pernah mencecah sehingga melebihi 10 peratus setahun. Kadar keuntungan yang dikenakan ke atas model bukan nasional lebih rendah berbanding dengan model nasional disebabkan harga model tersebut lebih mahal dan pelanggan yang membelinya adalah lebih stabil dengan peratusan tertunggaknya agak kecil. Oleh itu kadar yang rendah ini dapat diseimbangkan dengan margin pembiayaan yang besar dan risiko yang lebih rendah yang telah disebutkan tadi.

Margin pembiayaan yang ditawarkan oleh kebanyakan institusi perbankan kepada orang ramai adalah sehingga 90 peratus dari harga kenderaan di atas jalan (on the road price), walau bagaimanapun sesetengah institusi perbankan seperti BIMB, BMMB dan

²⁹ Di samping kerja-kerja susulan, litigasi dan hapus kira (write off), pengeluaran wang pembiayaan (disbursement) yang tinggi pada setiap bulan juga boleh menyumbang kepada penurunan kadar *npf*. Walaubagaimanapun keghairahan membuat *disbursement* yang tinggi boleh memberi kesan negatif kepada kualiti aset bagi kes-kes pembiayaan yang diterima dalam jangka masa panjang.

juga Bank Rakyat menawarkan kemudahan pembiayaan ini sehingga 100 peratus. Margin pembiayaan boleh melebihi had yang sebenarnya, jika berlakunya penambahan ke atas harga (mark up price) kenderaan tersebut dalam invois dengan penambahan aksesori, diskaun harga dan juga spesifikasi berlainan yang dikemukakan kepada pihak institusi perbankan.

Penembusan pasaran (market share) pembiayaan kenderaan terkini dikuasai oleh institusi perbankan utama seperti Maybank, Public Bank, Ambank dan CIMB dengan penguasaan sekitar 15 hingga 18 peratus dari keseluruhan pembiayaan kenderaan. Perubahan amalan operasi pembiayaan kenderaan Islam saling berkait rapat dengan perubahan dalam operasi pembiayaan secara konvensional seperti peralihan kuasa kelulusan, penilaian kredit yang lebih ketat penurunan kadar keuntungan dan penambahan tempoh pembiayaan³⁰ bagi memenuhi keperluan pelanggan dalam persaingan yang begitu sengit. Pengambilan perlindungan takaful bagi melindungi kenderaan yang dibuat secara Islam adalah diwajibkan sebagaimana yang telah diputuskan dalam Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua, Majlis Pengawasan Syariah, Bank Negara Malaysia. Resolusi itu mengkehendaki setiap pembiayaan termasuk pembiayaan kenderaan yang merangkumi caruman perlindungan diwajibkan mengambil perlindungan takaful sahaja dan menekankan perlindungan takaful sebagai pilihan pertama bagi margin pembiayaan yang tidak mengandungi caruman perlindungan. Walau bagaimanapun terdapat pengecualian yang membolehkan pelanggan mengambil insurans konvensional bagi kes-kes yang melibatkan situasi berikut;³¹

³⁰ Peralihan kuasa meluluskan pembiayaan yang dahulu hanya di peringkat cawangan ke peringkat ibu pejabat, penurunan kadar keuntungan ke paras terendah sekitar 2 hingga 3 peratus dan penambahan tempoh pembiayaan dari 7 ke 9 tahun merupakan *trend* industri pembiayaan kenderaan yang turut memberi kesan kepada pembiayaan secara Islam. Manakala di Bank Rakyat, tempoh pembiayaanannya boleh dilanjutkan sehingga 10 tahun bagi kakitangan kerajaan. Lihat Tuan Norisah Tuan A. Talib, "Analisis Skim Pembiayaan Kenderaan", 62 dan 72.

³¹ Pendekatan membenarkan pelanggan memilih mana-mana insurans konvensional yang dikehendakinya (dalam kes pakej pembiayaan secara Islam yang tidak merangkumi amaun caruman perlindungan) mengambil kira beberapa faktor seperti pelanggan bukan Islam, tahap kesediaan syarikat takaful menawarkan

- i. Sekiranya premium perlindungan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan;
- ii. Terdapat sektor atau kelas tertentu dalam insurans yang takaful tidak mempunyai kepakaran sepenuhnya; atau
- iii. Permohonan pelanggan tidak diterima oleh syarikat takaful atas sebab-sebab tertentu.

Bagi perlindungan ke atas amaun pembiayaan yang dibuat atau juga dikenali dengan takaful gadaijanji (mortgage), pengambilannya masih lagi belum diberi penekanan oleh kebanyakan institusi perbankan Islam. Kelonggaran diberikan kepada pelanggan menerusi inisiatif sendiri untuk mengambilnya atau sesetengah institusi perbankan memasukkannya ke dalam jumlah pembiayaan yang dibuat. Perlindungan ini amat baik kepada pelanggan dan institusi perbankan kerana mampu menyelesaikan baki pembiayaan sekiranya pelanggan ditimpa musibah seperti kematian atau hilang upaya kekal iaitu dengan hanya membayar premium yang rendah bergantung kepada jumlah pembiayaan. Ia seterusnya dapat membendung tindakan undang-undang, penarikan balik kenderaan yang boleh membawa kepada kebangkrutan ke atas pelanggan dan penjamin.

Peranan wakil penjual dan pengedar kenderaan amat penting dan berpengaruh dalam penentuan pemilihan institusi perbankan yang akan membiayai pembelian pelanggan. Wakil jualan sememangnya mengetahui kedudukan sesuatu institusi perbankan itu sama ada mudah meluluskan atau sebaliknya kes-kes pembiayaan yang dihantar mereka. Mereka akan menghantar kes-kes pembiayaan pelanggan kepada institusi yang mudah dan cepat berurusan, kadar keuntungan yang rendah dan mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka. Hal ini penting untuk memastikan kesinambungan

produk takaful tertentu, kepakaran syarikat takaful dalam kelas tertentu dan sebagainya. Lihat BNM, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, Edisi kedua (Kuala Lumpur: BNM, 2010), 67-69.

penghantaran kes-kes pembiayaan yang berterusan. Dalam keadaan tersebut, pihak pelanggan juga perlu berhati-hati agar tidak mudah dimanipulasi oleh pihak pengedar dan orang tengah yang berkepentingan seperti dalam pemalsuan dokumen dan pemilihan konsep pembiayaan yang dibuat selari dengan kemahuan mereka yang menginginkan konsep Islam, namun hakikatnya ia merupakan pembiayaan secara konvensional.

2.3 Sejarah Pembiayaan Kenderaan di Malaysia

Penawaran kemudahan pembiayaan kenderaan di peringkat awal telah dimulakan oleh syarikat-syarikat kewangan yang ditubuhkan pada awal tahun 1960-an dan berlesen di bawah Ordinan Pemberi Pinjaman 1951 yang ketika itu di luar penyeliaan bank pusat. Syarikat-syarikat kewangan ini merupakan kumpulan deposit kedua terbesar di dalam negara selepas bank perdagangan dan berfungsi sebagai penggenap kepada kumpulan bank tersebut.³² Syarikat kewangan dilarang dari menerima deposit semasa, walau bagaimanapun mereka boleh membekalkan pinjaman penggunaan bagi barang-barang tahan lama dalam bentuk sewa beli yang tidak dibekalkan oleh bank perdagangan. Oleh kerana syarikat kewangan tidak terikat dengan bank pusat, mereka bebas menentukan kadar depositnya sendiri, manakala kadar deposit bank perdagangan adalah ditetapkan oleh Persatuan Bank-bank setelah mendapat kebenaran bank pusat. Sekatan terhadap bank-bank perdagangan telah menyebabkan kemunculan syarikat-syarikat kewangan yang baru. Malah bank-bank perdagangan sendiri telah menubuhkan anak syarikatnya atau mengambil alih syarikat kewangan yang sedia ada. Melalui anak syarikatnya itu, bank-bank perdagangan dapat menawarkan kadar deposit yang lebih tinggi dan seterusnya menyalurkan dana yang dikumpul menerusi syarikat kewangan miliknya kepada bank

³² Cheah Kooi Guan, *Sistem Kewangan Malaysia: Struktur, Perkembangan dan Perubahan*. Edisi kedua (Kuala Lumpur: Pearson (M) Sdn Bhd, 2002), 72; Penglibatan bank-bank perdagangan dalam perniagaan syarikat kewangan dengan menubuhkan syarikat kewangan sebagai anak syarikat mereka kerana wujudnya persaingan yang sengit untuk mendapatkan deposit. Bank perdagangan tidak dapat menaikkan kadar faedah bagi deposit yang diterima dari pelanggan mereka kerana tertakluk kepada paras bumbung yang ditetapkan oleh BNM. Lihat BNM, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: BNM, 1989), 221.

sendiri. Penyertaan bank perdagangan dalam industri syarikat kewangan menyebabkan pertambahan bilangan syarikat kewangan serta menimbulkan persaingan yang hebat dan meningkatkan jumlah deposit yang diterima dari orang ramai. Dengan perkembangan pesat ini, pada tahun 1969 kerajaan telah meletakkan syarikat kewangan di bawah kawalan penyeliaan bank pusat melalui Akta Syarikat Meminjam 1969 yang kemudiannya ditukar menjadi Akta Syarikat Kewangan 1969.

Operasi utama syarikat kewangan pada ketika itu ialah pengumpulan deposit dalam bentuk deposit simpanan dan tetap dari orang ramai dan pemberian pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil, pembiayaan barangan pengguna tahan lama serta pembiayaan jangka pendek yang beroperasi secara konvensional. Urusan memberi pinjaman utamanya tertumpu kepada pembelian kenderaan bermotor atas syarat sewa beli ditetapkan oleh Akta Sewa Beli 1967 yang ditadbirkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian³³ di samping pembiayaan jangka pendek dan sederhana. Industri syarikat kewangan telah berkembang dengan pesatnya dalam dekad 1960-an, 1970-an dan awal 1980-an. Menurut Akta Institusi Perbankan dan Kewangan (BAFIA) 1989, institusi perbankan tidak dibenarkan menceburi perniagaan *leasing* (sewaan) di bawah satu bumbung, namun mereka dibenarkan menjalankannya melalui penubuhan anak syarikat sewaan (leasing company) yang tertakluk di bawah Akta Syarikat.³⁴ Pada akhir tahun 1990-an pula, hampir 50 peratus daripada pinjaman syarikat kewangan merupakan pembiayaan sewa beli. Akibat dari kemajuan ekonomi dan peningkatan keperluan permintaan terhadap pengangkutan persendirian, kebanyakan daripada pinjaman sewa beli itu bertujuan untuk membiayai pembelian kenderaan seperti kereta dan motosikal.³⁵ Aset syarikat kewangan juga telah meningkat dengan cepat iaitu 7.6 peratus pada tahun 1980-an, 12 peratus pada tahun 1990

³³ Akta ini juga memperuntukkan kadar faedah maksimum yang boleh dikenakan bagi urusan sewa beli. *Ibid.*, 51.

³⁴ Saiful Azhar Rosly, *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets: Islamic Economics, Banking and Finance, Investment, Takaful and Financial Planning* (Kuala Lumpur: Dinamas Publishing, 2005), 103.

³⁵ Cheah Kooi Guan, *Sistem Kewangan Malaysia: Struktur, Perkembangan dan Perubahan*, 72.

dan 13.6 peratus pada tahun 1997. Bilangan syarikat kewangan juga meningkat dari 28 buah pada tahun 1970 kepada 47 buah pada akhir dekad 1980-an.³⁶ Namun kemelesatan ekonomi pada tahun 1980-an³⁷ dan akhir tahun 1990-an menyebabkan bilangannya terus berkurangan. Kegawatan ekonomi yang melanda negara pada ketika itu memberi kesan negatif kepada kestabilan syarikat kewangan yang kecil dan ekoran itu BNM mendesak supaya diwujudkan penggabungan di kalangan mereka.³⁸ Sehingga awal tahun 1994, jumlahnya telah dikurangkan kepada 40 buah dan seterusnya berkurangan lagi dengan banyaknya iaitu 17 daripadanya telah bergabung antara satu sama lain yang kebanyakannya bercantum dengan 6 syarikat kewangan besar dan yang lain diserapkan ke dalam institusi perbankan induk.³⁹ Krisis ekonomi yang melanda negara pada akhir tahun 1997 dan tahun 1998 juga terus menyebabkan penurunan ketara aktiviti pinjaman kepada 10.7 peratus pada Jun 1999 dimana kekurangan pengeluaran pinjaman tidak berupaya untuk mengimbangi bayaran balik yang diterima.⁴⁰

³⁶ Daripada jumlah itu, 16 buah adalah anak syarikat bank perdagangan yang 12 buah daripadanya dimiliki oleh bank tempatan. Setakat September 1988, sebanyak 88 peratus daripada keseluruhan jumlah pinjaman sewa beli adalah untuk pembelian kenderaan bermotor bagi kegunaan persendirian. Lihat BNM, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia* (1989), 227 dan 231.

³⁷ Krisis ekonomi yang melanda negara pada tahun 1985 hingga 1986 adalah hasil kelembapan ekonomi di negara-negara industri yang mengakibatkan kejatuhan serius harga komoditi eksport utama negara dan kadar syarat perniagaan yang semakin buruk. *Ibid.*, 58; Lihat juga Siti Nabiha Abdul Khalid dan Che Ani Mad, *Lanskap Kewangan 2002* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2002), 2.

³⁸ Institusi kewangan dan perbankan di Malaysia telahpun disaran untuk membuat penggabungan pada tahun 1980-an, namun proses tersebut agak lembab kerana faktor-faktor tertentu seperti pemilihan rakan penggabungan yang sesuai dan kedudukan selesa yang dirasakan oleh mereka. Ia menjadi keperluan apabila negara menghadapi krisis pada 1998, yang mana institusi yang kurang stabil mulai menghadapi masalah peningkatan kadar *npf*. Lihat Siti Nabiha Abdul Khalid dan Che Ani Mad, *Lanskap Kewangan 2002*, 6; Cheah Kooi Guan, *Sistem Kewangan Malaysia*, 113.

³⁹ Daripada 17 syarikat kewangan itu, 15 daripadanya telah digabungkan dengan syarikat teras dan 2 bakinya dibuat melalui pakatan strategik. Senarai syarikat kewangan tersebut boleh dilihat Cheah Kooi Guan, *Sistem Kewangan Malaysia*, 73 dan 112. Terdapat 13 buah syarikat kewangan yang diserapkan ke dalam bank perdagangan induk masing-masing pada tahun 1998 dan 1999. Bahagian kredit penggunaan (sewa beli menjadi perniagaan utamanya) kepada jumlah pinjaman meningkat daripada 19 peratus pada akhir 1988 kepada 36.7 peratus pada akhir Jun 1999. Lihat BNM, *The Central Bank and The Financial System in Malaysia- A Decade of Change* (Kuala Lumpur: BNM, 1999), 425-426; BNM, *The Development of Islamic banking in Malaysia*, 335.

⁴⁰ Semasa kegawatan ekonomi itu juga kerugian yang dialami oleh syarikat kewangan adalah yang kedua tinggi iaitu sebanyak RM2,388 juta (41.7%) selepas bank perdagangan RM2,687 juta (46.9%) dan bank saudagar RM657 juta (11.4%) dalam sektor perbankan. Lihat Nor Hayati Ahmad dan Engku Ngah Sayuddin Engku Chik, "Pengurusan Risiko Perantaraan Bank-Bank Di Malaysia: Isu dan Cabaran" dalam *Lanskap Kewangan 2002*, 42.

Penglibatan syarikat kewangan dalam penawaran kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam bermula pada penghujung tahun 1993 iaitu dengan penyertaan syarikat kewangan dalam fasa kedua SPTF bermula 21 Ogos 1993 dengan penambahan 10 lagi institusi kewangan. Sehingga akhir Disember 1993, terdapat 8 syarikat kewangan⁴¹ yang menyertai skim itu yang terdiri dari;

- i. Arab-Malaysian Finance Bhd
- ii. BBMB Kewangan Bhd
- iii. Kewangan Industri Bhd
- iv. Kewangan Usaha Bersatu Bhd
- v. Malaysian Credit Finance Bhd
- vi. Mayban Finance Bhd
- vii. MBF Finance Bhd
- viii. Public Finance Bhd

Bilangan syarikat kewangan yang terlibat dalam SPTF dan SPI yang menawarkan kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam mulai bertambah selepas itu iaitu kepada 18 buah pada tahun 1995, 22 buah pada tahun 1997 dan mulai berkurangan pada tahun 1998.⁴² Jadual berikut menunjukkan perubahan bilangan syarikat kewangan yang menyertai SPI bagi tahun-tahun terkemudian;

⁴¹ BNM, *Wang dan Urusan Bank di Malaysia* (1994), 365.

⁴² Senarai syarikat-syarikat kewangan pada tahun 1995 yang terlibat boleh dilihat dalam Nor Mohamed Yakcop, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 1996), 66; Lihat Shamsudin Ismail, *Pengurusan Bank Perdagangan Di Malaysia*, 357; Lihat juga Mustafa Dakian, *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaannya Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 59; Mustapa Mohamed, *Sistem dan Institusi kewangan Islam Malaysia* (Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd, 1995), 60-61. Senarai syarikat-syarikat kewangan sehingga Disember 2002 yang terlibat boleh dilihat dalam Ahmad Shamsul Abd Aziz, Khuzaimah Salleh dan Rosmawani Che Hashim, *Undang-undang Perbankan* (Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall, 2004), 255. Sehingga Disember 2004, terdapat hanya 3 buah syarikat kewangan yang beroperasi sendirian iaitu Affin ACF Finance House, AmFinance Berhad dan Southern Finance Berhad. Lihat Noor Saliza Zainal dan Zulkafli Mohd Yusof, *Perbankan Islam Di Malaysia* (Shah Alam: UiTM, 2008), 22.

Jadual 2.2 Perubahan Bilangan Syarikat Kewangan Mengikut Tahun

Tahun	1998	1999	2000	2001	2002
Bilangan Syarikat kewangan	18	16	14	10	10

Sumber: Diubahsuai dari Mustafa Dakian (2005), 59.

Syarikat kewangan yang menawarkan kemudahan pinjaman kenderaan sebagai perniagaan utamanya mulai menukar secara beransur-ansur konsep pinjamannya kepada pembiayaan secara Islam ketika pengenalan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada tahun 1993. Ia kemudiannya diikuti oleh pelaksanaan Skim Perbankan Islam (SPI) pada 1998 dan penubuhan subsidiari Islam kepada institusi induk perbankan konvensional dimana operasi perbankan Islamnya lebih besar dan menyeluruh berbanding sebelumnya. Walaupun sesetengah syarikat kewangan telah menawarkan produk pembiayaan kenderaan mereka secara Islam pada awal pengenalan SPTF,⁴³ namun halangan-halangan tertentu yang menyebabkan ia tidak dapat dilaksanakan secara meluas antaranya disebabkan dana bagi keseluruhan operasi SPTF yang diperuntukkan hanyalah RM1 juta, operasinya diletakkan dalam hirarki yang rendah, dijalankan oleh pegawai peringkat pertengahan dan fungsinya yang terhad yang tidak menggambarkan operasi perbankan Islam sebenar.⁴⁴ Akibat dari itu, bermula 1 Disember 1998, BNM telah menggantikan SPTF dengan SPI dengan menaik taraf Unit Perbankan Islam di institusi kewangan terlibat kepada Jabatan Perbankan Islam yang diketuai sekurang-kurangnya pegawai bertaraf Penolong Pengurus Besar manakala dana operasinya pula dinaikkan kepada RM5 juta. Seterusnya dana operasi SPI bagi syarikat kewangan dinaikkan lagi kepada RM10 juta pada 1 Januari

⁴³ Antara yang terawal memperkenalkan kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam ialah Arab Malaysia Finance (Sekarang dikenali Ambank) pada tahun 1993 dengan nama Islamic ARIF Hire Purchase dan Mayban Finance pada tahun 1994 dengan menggunakan konsep AITAB. Lihat Asyraf Wajdi Dusuki, *Islamic Finance: An Old Skeleton in a Modern Dress*, 180.

⁴⁴ Lihat BNM, *The Central Bank and The Financial System in Malaysia-A Decade of Change* (Kuala Lumpur: BNM, 1999), 245.

2001.⁴⁵ Walaupun syarikat kewangan ini telah menyertai SPI ataupun SPTF, kemudahan pembiayaan kenderaannya masih ditawarkan melalui kaedah sewa beli konvensional dan Islam secara seiringan. AITAB merupakan satu kaedah pembiayaan yang menyerupai sewa beli konvensional yang telah diperkenalkan oleh fuqaha terkemudian berdasarkan keperluan umat Islam semasa⁴⁶ yang mudah diteruskan, disesuaikan dan diterima oleh masyarakat. Di samping AITAB, terdapat sesetengah syarikat kewangan seperti Abrar Finance Berhad yang menawarkan kemudahan pembiayaan kenderaan menggunakan kaedah BBA.⁴⁷

Sementara itu bagi institusi perbankan perdagangan yang bukan syarikat kewangan pula, jumlahnya tidak banyak yang menawarkan kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam, antaranya ialah BIMB, Bank Rakyat dan BMMB.⁴⁸ BIMB pada awal penubuhannya hingga ke tahun 1998, tidak begitu memberi tumpuan kepada kemudahan pembiayaan kenderaan kerana dikendalikan di peringkat cawangan biasa dengan kekurangan kepakaran dalam industri tersebut. Pelanggan yang ada hanyalah *walk in customer* yang betul-betul berkehendakkan cara Islam. Hubungan antara BIMB dengan pihak pengedar kenderaan belum lagi terjalin pada masa itu malah yuran pengendalian (*handling fee*) kepada pengedar masih belum lagi diwujudkan. Konsep BBA yang digunakan oleh BIMB adalah konsep yang digunakan sejak dari dahulu hinggalah ke hari ini dan paling utama dalam lain-lain produk pembiayaan pengguna. Bagi Bank Rakyat, kemudahan pembiayaan kenderaan mula diperkenalkan sejak 1980-an lagi tetapi dengan menggunakan kaedah

⁴⁵ Dana SPI bagi bank perdagangan adalah sama dengan syarikat kewangan pada tahun 1999, namun bagi bank saudagar dananya hanyalah RM3 juta. Manakala pada tahun 2001 pula, dana bank perdagangan adalah sebanyak RM20 juta dan RM6 juta bagi bank Saudagar. Lihat BNM, *The Central Bank and The Financial System in Malaysia-A Decade of Change*, 247.

⁴⁶ Sharifah Faigah Syed Alwi, *Pembiayaan Hutang dalam Perbankan Islam* (Shah Alam: UPENA UiTM, 2006), 43.

⁴⁷ Osman Sabran, *Urus Niaga Al-Bai' Bithaman Ajil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2000), 57.

⁴⁸ Operasi pembiayaan kenderaan di bank-bank ini tertakluk dengan cawangan masing-masing. Misalnya BIMB, walaupun mempunyai unit pembiayaannya sendiri yang dikenali sebagai Pusat Pembiayaan Automobil BIMB (PPA) tetapi beroperasi berdekatan dengan cawangan BIMB, manakala BMMB dan Bank Rakyat pula operasinya berada di bawah cawangan bank masing-masing.

konvensional. Pembiayaan secara Islam mulai ditawarkan oleh Bank Rakyat menggunakan konsep AITAB dan BBA pada tahun 2001.⁴⁹ Sementara BMMB pula menawarkan kemudahan pembiayaan kenderaan bermula dari penubuhannya pada tahun 1999 dengan menggunakan konsep AITAB. Secara keseluruhannya pembiayaan kenderaan Islam yang ditawarkan oleh institusi perbankan perdagangan Islam seperti BIMB, Bank Rakyat dan BMMB mula berlaku secara agresif pada tahun 2000 dan ke atas. Selain syarikat kewangan dan institusi perbankan yang menawarkan kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam, terdapat juga institusi lain yang turut serta menawarkan kemudahan sama kepada orang ramai seperti Koperasi Kohilal, Koperasi Muslimin, Koperasi Belia Islam dan juga jabatan kerajaan dengan kadar keuntungan yang dikenakan lebih rendah berbanding syarikat kewangan dan institusi perbankan yang ada pada ketika itu.⁵⁰

Pada tahun 1999, pembiayaan SPTF bagi sektor kenderaan secara Islam mengalami penyusutan kepada RM118.6 juta berbanding RM769.7 juta pada tahun sebelumnya dengan bilangan syarikat kewangan yang menawarkan pembiayaan kenderaan secara Islam masih lagi banyak dengan jumlahnya 18 buah.⁵¹ Industri pembiayaan kenderaan dan pengeluaran kenderaan mengembang semula selepas kegawatan ekonomi

⁴⁹ Bank Rakyat menjadi institusi perbankan Islam penuh pada tahun 2002 dan disenaraikan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 di bawah penyeliaan BNM. Kini ia diserapkan ke dalam penyeliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna. Lihat Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad, dicapai 1 Februari 2012, <http://www.bankrakyat.com.my>. Konsep AITAB dengan nama *al-Naqlu 1* bagi pembiayaan sehingga 90 peratus manakala BBA dengan nama *al-Naqlu 2* bagi kemudahan pembiayaan dengan margin sehingga 100 peratus. *Al-Naqlu 2* lebih popular berbanding *al-Naqlu 1*, walaupun bagaimanapun *al-Naqlu 2* pernah diberhentikan penggunaannya selepas 2 tahun pelaksanaannya dan dimulakan semula pada tahun 2008. Lihat Tuan Norisah Tuan A. Talib, "Analisis Skim Pembiayaan Kenderaan Kakitangan Awam di Bank Rakyat Malaysia Berhad", 63.

⁵⁰ Kadar keuntungan yang dikenakan oleh koperasi-koperasi Islam adalah sekitar 5 peratus, jabatan kerajaan 4 peratus manakala syarikat kewangan dan institusi perbankan pula masing-masing sekitar 7 dan 10 peratus ke atas. Kadar keuntungan yang dikenakan bagi pembiayaan secara Islam di institusi perbankan adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar bunga yang dikenakan ke atas pinjaman secara konvensional. Lihat Osman Sabran, *Urus niaga Al-Bai' Bithaman Ajil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*, 61-64.

⁵¹ Lihat Mustafa Dakian, *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaannya di Malaysia*, 64; Penurunan aktiviti pinjaman dapat dilihat dari penurunan pengeluaran kenderaan tahun 1998 sebanyak 60.5 peratus kepada hanya 160,870 unit berbanding tahun sebelumnya 407,347 unit. Lihat Mohd Uzir Mahidin dan R. Kanageswary 2007, *The Development of the Automobile Industry and the Road Ahead* dalam *Jurnal Statistik* (Kuala Lumpur: Jabatan Statistik, 2007), 10-12; BNM, *The Central Bank and The Financial System in Malaysia-A Decade of Change*, 245.

1997-1998 dengan kadar yang lebih rendah berbanding pada tahun sebelum kemelesetan tersebut. Dengan penggabungan institusi perbankan dan kewangan, sektor perbankan domestik akan menjadi lebih stabil, walaupun dengan jumlahnya yang sedikit berupaya menghadapi cabaran masa depan yang disebabkan globalisasi dan liberalisasi WTO dan AFTA bermula 2003 hingga 2010.⁵²

Kini dengan kewujudan subsidiari Islam dalam kumpulan perbankan induk konvensional yang diberi lesen perbankan Islam oleh BNM bermula pada tahun 2005⁵³ dan penyerapan syarikat-syarikat kewangan⁵⁴ dalam kumpulan induk berkenaan pada tahun 2005, kemudahan pembiayaan kenderaan Islam pada dasarnya ditawarkan di bawah subsidiari perbankan Islam dan menjadi aset perbankan tersebut. Ada kumpulan induk perbankan yang menawarkan kemudahan ini mewujudkan *one stop center* bagi kesemua operasi pembiayaan kenderaannya termasuk Islam dan konvensional dan ada pula yang memisahkan operasi di antara kedua-duanya di bawah bumbung yang berlainan. Produk pembiayaan kenderaan secara Islam terus mendapat sambutan yang menggalakkan dan setanding dengan kemudahan pembiayaan konvensional malah lebih tinggi permintaannya walaupun dari segi asetnya masih belum dapat menyaingi konvensional.

Manakala dalam tempoh 2005 juga, BNM telah mengeluarkan arahan supaya institusi perbankan tempatan mengukuhkan kedudukan masing-masing dengan mewujudkan kumpulan perbankan induk dengan menggabungkan anak-anak syarikat di bawahnya termasuk syarikat kewangannya dalam satu entiti induk bagi menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi ekoran pelaksanaan AFTA.

⁵² Malaysia memohon penangguhan pelaksanaan AFTA bagi industri automobil sehingga ke tahun 2005 dengan alasan industri automobil negara belum pulih sepenuhnya dari krisis ekonomi 1997 dan industri tersebut masih baru untuk bersaing di peringkat global. Lihat Mohd Uzir Mahidin dan R. Kanageswary, 17; Perjanjian GATTs, iaitu Perjanjian Am Dagangan Dalam Perkhidmatan juga memberi kesan kepada persaingan global dan penggabungan bank-bank tempatan. Lihat Samsuddin Ismail, *Pengurusan Bank Perdagangan Di Malaysia*, 6.

⁵³ Asyraf Wajdi Dusuki, *Islamic Finance*, 180.

⁵⁴ Sebelum proses penyerapan, pada tahun 2003 terdapat 11 buah syarikat kewangan yang beroperasi menawarkan kemudahan pembiayaan secara Islam dan konvensional dan kebanyakannya merupakan anak syarikat bank perdagangan konvensional tempatan. Lihat Shamsudin Ismail, 423.

2.4 Akta dan Undang-undang Berkaitan Pembiayaan Kenderaan

Pembiayaan kenderaan secara konvensional mempunyai akta yang khusus iaitu Akta Sewa Beli 1967. Namun sebaliknya bagi pembiayaan secara Islam, ketiadaannya menyebabkan institusi perbankan yang menawarkan kemudahan pembiayaan kenderaan secara Islam terpaksa menggunakan peraturan menerusi semangat Akta Sewa Beli 1967.⁵⁵ Industri sewa beli konvensional telahpun bertapak sejak sekian lama di dalam negara dan mempunyai persamaan dengan konsep AITAB yang datang kemudian pada tahun 1993, kecuali dalam beberapa perkara. Akta ini mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 11 April 1968 yang sebelum itu tiada akta khusus yang mengawal dan mengawasi urusan sewa beli di Malaysia, cuma ia diletakkan di bawah undang-undang kontrak yang dilindungi oleh Ordinan Jualan Barangan 1957.⁵⁶ Akta ini telah dibuat pindaan pada tahun 2010 dan mula dikuatkuasakan pada bulan Jun 2011 sebagai undang-undang substantif. Secara keseluruhannya, kebanyakan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam akta ini tidak bertentangan dengan kehendak syarak seperti menjaga hak dan kepentingan pihak yang terlibat terutamanya pelanggan (penyewa), penjamin dan pembiaya melalui penekanan kepada tanggungjawab pihak pembiaya (bank), pengedar kenderaan dan juga pelanggan itu sendiri, penyediaan dokumen perjanjian, tempoh dan jumlah bayaran dan barang yang dikontrakkan. Namun terdapat beberapa aspek yang masih tidak menepati Syariah seperti;⁵⁷

- i. Penggabungan kontrak sewaan dan jualan dalam satu dokumen perniagaan yang menunjukkan tiada penjelasan dan perincian terhadap pembentukan kontrak melalui terma sewaan dan belian serta kaitan antara keduanya.

⁵⁵ Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam, *Islamic Banking: A Practical Perspective*, 155.

⁵⁶ Saiful Azhar Rosly, *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets*, 114-115.

⁵⁷ Nurdiyanawati Irwani Abdullah, "Implementation of Mu'amalah Hire-Purchase Bill in Malaysia: Chasing a Mirage?," dalam *IiBF Series in Islamic Banking and Finance*, ed. Younes Soualhi dan Ahmad Kameel Mydin Meera (Kuala Lumpur: UIAM, 2009), 224-225; Saiful Azhar Rosly, *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets*, 114; Zaharuddin Abd Rahman, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2009), 75.

Kontrak sewaan diberikan berdasarkan klausa pilihan kepada penyewa untuk membelinya sedangkan mengikut piawai AAOIFI ia perlu dibuat menerusi janji (wa'd) untuk menjual kepada pelanggan.⁵⁸ Demikian juga kewajipan pihak bank untuk memeterai kontrak jual sejak dari awal yang jelas bertentangan dengan konsep AITAB yang sebenar.⁵⁹

- ii. Tiada penekanan kepada niat, pemahaman dan persetujuan (keredaan) pihak-pihak yang berkontrak yang boleh mengakibatkan kesan terhadap hubungan, hak dan tanggungjawab masing-masing. Ini berkait dengan bahagian 2 dalam Jadual Ke 2.
- iii. Pengenaan caj bagi tunggakan ansuran berdasarkan *interest* ataupun riba dan pengiraan caj berdasarkan penentuan awal *interest bearing benchmark*.⁶⁰ Ini terdapat dalam seksyen 4C dan seksyen 34 dalam Jadual ke 6 dan ke 7.
- iv. Kos penyelenggaraan dan pembaharuan polisi perlindungan kenderaan ditanggung oleh pelanggan sepenuhnya sedangkan pada masa yang sama pihak pembiaya mempunyai hak mutlak untuk menarik kenderaan dan melupuskannya. Bagi mengatasi masalah ini, bayaran sewa terpaksa dinaikkan untuk menampung kos tersebut.⁶¹
- v. Lebih cenderung kepada konsep *financial lease* (full pay-out lease). Model pembiayaan sewa beli Islam tidak kesemuanya perlu memakai *financial*

⁵⁸ Sesetengah sarjana Islam di Malaysia membenarkan transaksi ini dengan syarat pihak-pihak yang berkontrak mengetahui dan memahami kedudukan konsep AITAB yang sebenar iaitu kedua-duanya telah diaktifkan dan berjalan mengikut turutan. Asyraf Wajdi Dusuki dan Nurdianawati Irwani Abdullah, *Fundamentals of Islamic Banking*, 193; Saiful Azhar Rosly, *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets*, 113-114.

⁵⁹ Lihat Zaharuddin Abd Rahman, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas*, 75.

⁶⁰ Saiful Azhar Rosly, *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets*, 114.

⁶¹ *Ibid.*, 115-116; Zaharuddin Abd Rahman, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas*, 75. Bagi pembiayaan kenderaan tanggungjawab membuat polisi perlindungan bagi kenderaan tersebut adalah terletak ke atas pembiaya bagi tahun permulaan sahaja manakala bagi tahun-tahun berikutnya ditanggung oleh penyewa. Walaupun ditanggung oleh pembiaya bagi tahun permulaan itu, ia sebenarnya ditanggung oleh penyewa kerana jumlahnya telah dimasukkan ke dalam harga kenderaan tersebut di atas jalan.

lease kerana ia bertentangan dengan prinsip untuk menyewa dan menjual. Ia menyebabkan penyewa bertanggungjawab ke atas risiko aset secara sepenuhnya dan dianggap tidak menepati Syariah oleh Majlis Syariah AAOIFI dan dilihat masih gagal diselesaikan. Bagaimanapun, majoriti majlis penasihat Syariah bank-bank Islam di Malaysia mengambil pendapat yang lebih ringan dengan membenarkan penyeliaan asas diserahkan kepada penyewa dengan persetujuannya.⁶²

Selain itu, akta ini juga dikatakan tidak menepati kehendak perundangan negara dalam beberapa aspek antaranya ialah;⁶³

- i. Ia merupakan undang-undang yang agak ketat iaitu apabila wujud percanggahan dan pelanggaran ke atas akta ini yang boleh membawa kepada pembatalan perjanjian tersebut dan merupakan satu kesalahan yang boleh dihukum.
- ii. Akta ini mengawal ketat perjanjian sewa beli yang dibuat. Sekiranya terdapat percanggahan antara keduanya menyebabkan ianya boleh dicabar di mahkamah oleh pihak-pihak yang mengambil kesempatan.
- iii. Pemakaiannya terhad kepada barangan tertentu sahaja iaitu barangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama iaitu barangan pengguna⁶⁴ dan

⁶² Antara ciri-ciri *financial lease* ialah tidak boleh dibatalkan, tanggungan penyewa membayar sewa penuh walaupun barangan tersebut telah berhenti memberi manfaat dan membuat jualan seterusnya. Lihat IiiBf, *IiBF Series in Islamic Banking and Finance*, 224; Zaharuddin Abd Rahman, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas*, 75.

⁶³ Nurdiyanawati Irwani Abdullah, "Implementation of Mu'amalah Hire-Purchase Bill in Malaysia: Chasing a Mirage?," 226-228.

⁶⁴ Barangan pengguna didefinisikan sebagai barangan yang dibeli untuk kegunaan persendirian, keluarga dan isirumah. Bagi barangan pengguna tetapi dibeli untuk tujuan perniagaan adalah tidak termasuk dalam akta ini. Definisi barangan pengguna juga termasuk apa-apa penggantian dan pembaharuan oleh penyewa terhadap alatan dan aksesori tambahan semasa tempoh sewaan. Seksyen 2(1), Akta Sewa Beli 1967.

kenderaan bermotor⁶⁵ sahaja. Selain barangan di atas, ia tidak tertakluk kepada akta ini.

- iv. Pengecualian tanggungan penjamin terhadap barangan pengguna yang tidak tersenarai dalam Jadual Pertama. Penjamin tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran bagi pihak pelanggan jika berlaku tunggakan dalam kes barangan yang dibiayai untuk tujuan perniagaan.

Sementara itu, bagi pembiayaan kenderaan yang menggunakan kaedah BBA ataupun murabahah juga tidak ada akta utama yang khusus yang benar-benar mengikat dari segi undang-undang bila timbul pertelingkahan antara pihak-pihak yang berkontrak. Walaupun begitu, ia juga terpaksa mengadaptasi cara pembiayaan AITAB dan sewa beli konvensional yang menggunakan Akta Sewa Beli 1967 dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaannya. Sebagai contohnya dalam kes mengemukakan salinan dokumen kepada pelanggan dan penjamin dalam tempoh 14 hari setelah ditandatangani, pengeluaran notis pengambilalihan kenderaan selepas dua bulan 21 tertunggak dan hal-hal yang berkaitan dengan pelelongan kenderaan yang banyak dipengaruhi oleh amalan pembiayaan secara sewa beli. Tetapi dalam sesetengah keadaan ia tidak mengikut operasi sewa beli seperti perlu mendapatkan *court order* terlebih dahulu sebelum membuat pengambilalihan kenderaan dari pelanggan dan margin pembiayaan boleh mencapai sehingga 100 peratus daripada harga kenderaan.

Selanjutnya, pindaan Akta Bank Negara Malaysia (CBMA) 2009 telah menjadi satu permulaan positif kepada perbankan dan kewangan Islam apabila seksyen 56 hingga 59 akta itu menyatakan bahawa mahkamah sivil perlu merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah BNM apabila berhadapan dengan persoalan berkaitan Syariah. Sesetengah ilmuan

⁶⁵ Termasuk *invalid carriages*, motokar, motorsikal termasuk teksi dan kereta sewa, kenderaan barangan yang tidak melebihi muatan 2540 kilogram dan juga bas. Seksyen 2(2), Akta Sewa Beli 1967.

berpendapat kebebasan institusi kehakiman mungkin akan terjejas kerana terpaksa mematuhi resolusi Syariah majlis tersebut dalam perkara yang melibatkan Syariah. Namun begitu mahkamah tersebut dilihat masih mempunyai kuasa untuk tidak merujuk kepada MPS jika mereka berpendapat isu yang terlibat bukanlah suatu isu Syariah atau dalam melakukan *judicial review* berdasarkan bidang kuasa sedia ada atau dalam usaha menegakkan keadilan pada perspektif mereka. Ini kerana pernah ada keengganan mahkamah merujuk kepada MPS dalam menghuraikan atau mendapat bantuan untuk memahami isu-isu Syariah atau kewangan Islam dalam beberapa kes yang lalu.⁶⁶ Kesan dari pindaan akta ini telah memberi impak yang lebih baik kepada perkembangan industri perbankan Islam iaitu dari segi meningkatkan autoriti MPS dan lembaga penasihat Syariah di peringkat institusi itu sendiri dan juga meningkatkan penyeragaman produk perbankan Islam di peringkat nasional.⁶⁷ Ia sejajar dengan hasrat BNM dan pihak kerajaan ke arah mewujudkan sebuah institusi khusus (Mahkamah Perdagangan Syariah) dalam sistem kehakiman sedia ada sebagaimana yang terdapat dalam Pelan Induk Kewangan Islam 2001-2010.

Hasrat untuk melihat kewangan dan perbankan Islam terus berkembang diperkukuhkan lagi dengan pengubalan terbaru Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 yang bertujuan mewujudkan kestabilan kewangan dan pematuhan Syariah. Penekanan kepada pematuhan Syariah boleh dilihat kepada kawalan lebih ketat BNM ke atas institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam seperti;⁶⁸

⁶⁶ Kes-kes yang dimaksudkan ialah Arab Malaysian Merchant Berhad v Silver Concept Sdn Bhd [2008] 9 CLJ 522 dan Affin Bank Berhad v Zulkifli Abdullah [2006] 1 CLJ 438. Lihat Mohamad Akram Laldin, "Perundangan Kewangan Islam Di Mahkamah Syariah: Harapan dan Cabaran," *Jurnal Hukum* 31, (2010), 113-114.

⁶⁷ Adnan Trakic dan Hanifah Haydar Ali Tajuddin, *Islamic Banking & Finance: Principle, Instruments & Operations* (Ampang: The Malaysian Current Law Journal Sdn Bhd, 2011), 439-440.

⁶⁸ Sila lihat Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013, 40-45.

- i. Memastikan matlamat, operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktivitiinya menepati Syariah pada setiap masa selaras dengan resolusi MPS (Seksyen 28).
- ii. BNM boleh menentukan standard berkaitan perkara Syariah selaras dengan nasihat atau garis panduan MPS dan pematuhan menyeluruh institusi tersebut termasuk lembaga pengarah, pengurusan kanan dan ahli jawatankuasa Syariah pada setiap masa kepada standard yang telah ditentukan serta hukuman yang lebih berat kepada yang melanggarnya (Seksyen 29).
- iii. Penubuhan jawatankuasa Syariah termasuk perlantikan, perlucutan keahlian, tugas dan fungsinya, keperluan maklumat serta keistimewaannya dalam menjalankan tugas (Seksyen 30 hingga 36).
- iv. Perlantikan pegawai yang menjalankan audit terhadap pematuhan Syariah yang boleh dilantik oleh institusi terbabit dan juga BNM (Seksyen 37 dan 38).

Walaupun kedua-dua akta di atas memberi nafas baru kepada sistem kewangan dan perbankan Islam, namun ia hanya menggariskan secara umum aspek-aspek berkaitan peraturan dan penyeliaan dengan menekankan kepada operasi yang dilaksanakan mestilah mematuhi Syariah. Aspek-aspek yang lebih khusus dan teknikal berkaitan pembiayaan kenderaan secara Islam masih lagi merujuk praktis yang digariskan oleh HP Act 1967 dengan penambahan garis panduan berkaitan AITAB secara berperingkat-peringkat menerusi resolusi Syariah MPS.⁶⁹ Sebelum adanya akta dan resolusi ini, undang-undang Islam yang berkaitan urusan kewangan Islam dilihat berada dalam skop yang agak terhad dan tertakluk kepada akta-akta sivil sedia ada seperti Akta Undang-undang Sivil 1956,

⁶⁹ Sila lihat BNM, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua (2010), 3-14.

Akta Kontrak 1950, Akta Kebankrapan 1967, Akta Syarikat 1965 dan lain-lain akta yang bersifat substantif.⁷⁰ Seksyen 5, Akta Undang-undang Sivil menyatakan bahawa ketika ketiadaan akta khusus yang berkaitan, undang-undang yang akan terpakai bagi urusan kewangan dan yang berkaitan adalah undang-undang Inggeris. Malah Senarai 1, Jadual Kesembilan dan perkara 74, Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa hal ehwal kewangan adalah tertakluk bidangkuasa parlimen dan kerajaan Persekutuan.

Cadangan supaya diwujudkan satu undang-undang khusus bagi pembiayaan kenderaan Islam seperti *Muamalah Hire-Purchase Bill*⁷¹ sebagai ganti kepada Akta Sewa Beli dilihat bukan jalan terbaik mengatasi masalah yang sedang dihadapi. Walaupun ini akan memberi kepelbagaian perundangan dan pilihan kepada masyarakat memilih antara undang-undang sivil dan Islam, namun ia terpaksa melalui proses pindaan yang amat rumit dalam Akta Undang-undang Sivil dan juga Perlembagaan Persekutuan yang tentunya melibatkan kos yang besar dan melalui pelbagai peringkat penapisan sebelum diaktakan. Dengan kata lain pindaan ini memerlukan sokongan penuh dari pihak kerajaan, badan eksekutif, perundangan dan kehakiman. Tambahan pula sebelum ia dikuatkuasakan dan digazet ia mesti mempunyai sistem pentadbiran dan penguatkuasaan yang kukuh. Bagi mengatasi kekangan ini, beberapa ilmuan tempatan⁷² mencadangkan agar prinsip Syariah bagi pembiayaan kenderaan atau sewa beli dikembalikan bersama undang-undang sedia ada. Hanya sedikit pengubahsuaian dan pindaan perlu dilakukan ke atas Akta Sewa Beli supaya ia selari dengan kehendak Syariah. Bagi kekurangan yang kecil, pengubahsuaian tertentu boleh dibuat dengan memasukkan peruntukan tambahan atau dikembalikan dalam

⁷⁰ Akta-akta lain seperti Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Cukai Pendapatan 1967, Peraturan Sewaan Cukai Pendapatan 1986, Akta Takaful 1984, Akta Insurans 1996 dan Akta Perkilangan dan Mesin 1967. Lihat Razli Ramli dan Hasleenda Onn, *Islamic Hire-Purchase: Ijarah Thumma al-Bai'(AITAB)* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2007), 9-10.

⁷¹ Bil ini dirangka oleh beberapa orang ahli Lembaga Syariah BIMB iaitu Dr Abdullah, Dr Sabri, Profesor Ahmad Ibrahim, Dr Osman Sahab dan Mustafa Hamat. Ia telah dihantar kepada pihak pengurusan bank untuk pindaan dan kemudiannya dihantar kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan dan sebelum memasuki parlimen ia telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan kemudian ke Jabatan Perdana Menteri untuk diperiksa oleh pakar Syariah. Lihat Nurdiyanawati Irwani Abdullah, "Implementation of Mu'amalah Hire-Purchase Bill in Malaysia: Chasing a Mirage?," 228.

⁷² Antaranya ialah Prof. Saiful Azhar Rosly dan lain-lain lagi.

jadual yang terdapat dalam akta tersebut. Pendekatan ini dipercayai menjadi lebih mudah, realistik dan kurang rumit berbanding mewujudkan satu undang-undang Syariah yang bebas. Oleh kerana urusan kewangan dan perbankan Islam diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah sivil, tiga perkara yang berkait dengan prosedur perlu diambil perhatian;⁷³

- i. Mahkamah perlu memperkenalkan prosedur yang spesifik bagi muamalat Islam supaya mahkamah berwaspada membuat keputusan dalam perkara yang melibatkan kewangan Islam.
- ii. Hakim yang membicarakan kes-kes kewangan dan perbankan Islam mempunyai pengetahuan asas tentang kontrak dan muamalat Islam.
- iii. Hakim Syarie yang berkeelayakan boleh diletakkan dalam mahkamah sivil ketika berlangsungnya perbicaraan yang melibatkan isu-isu Syariah.

2.5 Perbezaan Antara Pembiayaan Kenderaan Secara Islam dan Konvensional

Pembiayaan kenderaan secara Islam mempunyai perbezaan-perbezaan tertentu jika dibandingkan dengan pembiayaan secara konvensional. Antara perbezaan-perbezaan tersebut ialah;

2.5.1 Penggunaan Kaedah Syarak.

Pembiayaan kenderaan secara Islam adalah menggunakan kaedah-kaedah yang dibenarkan syarak seperti *al-ijārah thumma al-bay'* (AITAB) atau juga dikenali dengan *al-ijārah muntahiyah bi al-tamlīk*, *al-ijārah wa iqtinā'*, *al-bay' al-ta'jīrī*⁷⁴, *bay' bithaman ājil*

⁷³ Nurdiayanawati Irwani Abdullah, "Implementation of Mu'amalah Hire-Purchase Bill in Malaysia: Chasing a Mirage?," 236-239.

⁷⁴ Kaedah *al-bay' al-ta'jīrī* yang bermaksud sewa jual ini diperkenalkan oleh BIMB di awal penubuhannya, ia mempunyai persamaan dengan sewaan tetapi ditambah dengan peruntukan bahawa pemilik harta selepas sesuatu tempoh tertentu bersetuju menjualkan terus harta tersebut kepada penyewa pada paras harga yang dipersetujui bersama dengan mengambil kira jumlah bayaran sewa yang dijelaskan. Lihat BIMB, *Bank Islam Malaysia Berhad: Penubuhan dan Operasi* (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1983), 16 dan 27.

(BBA) dan juga *al-murābahah li al-āmir bi al-shirā'* atau juga dikenali sebagai *Murabahah to the Purchase Orderer* (MPO). Kaedah-kaedah ini merupakan kontrak-kontrak pertukaran (*'uqūd al-mu'āwaḍat*) yang menggabungkan kontrak-kontrak lain yang bersesuaian sebagaimana yang dipersetujui oleh kebanyakan ilmuan Islam. Walaupun ia merupakan pembiayaan berasaskan hutang yang hampir menyamai pembiayaan secara konvensional yang berasaskan pinjaman, tetapi kontrak-kontrak pertukaran seperti sewaan dan jual beli inilah yang membezakan antara kedua-duanya. Pembiayaan secara konvensional menerusi kaedah sewa beli beroperasi berasaskan pinjaman sepenuhnya dan mengenakan kadar bunga tertentu ke atas pinjaman yang dibuat yang jelas merupakan riba yang diharamkan Islam.

2.5.2 Penggunaan Akad/Kontrak

Pembiayaan kenderaan secara Islam mengandungi akad yang lebih jelas berbanding dengan konvensional sebagaimana yang dikehendaki syarak. Kaedah AITAB misalnya mengandungi dua kontrak berasingan dan dibuat secara berurutan yang dimulai dengan kontrak sewaan terlebih dahulu dan diikuti dengan kontrak jualan iaitu setelah bayaran sewa telah diselesaikan sepenuhnya. Semasa kontrak pertama berlangsung, pemilikan kenderaan terletak di bawah pihak bank (pemiaya) dan semasa kontrak kedua dimeterai barulah hakmilik kenderaan tersebut berpindah kepada pelanggan secara sah. Kontrak-kontrak ini dibuat melalui dokumen perjanjian yang jelas bagi menggambarkan kedudukan kedua-duanya yang saling berkaitan dan berturutan serta niat dan kefahaman antara pihak-pihak yang terlibat. Begitu juga dengan kaedah-kaedah Islam yang lain seperti BBA dan murabahah, pihak pemiaya (bank) mempunyai hakmilik ke atas kenderaan itu dengan membelinya terlebih dahulu dan kemudiannya menjualkannya kepada pelanggan dengan harga termasuk penambahan keuntungan. Kontrak-kontrak yang digunakan ini terutamanya yang menggunakan BBA, telah meletakkan suatu harga yang tetap kepada

pelanggan dalam bentuk harga jualan dan ini memudahkan mereka untuk tidak menanggung beban sekiranya berlaku perubahan ansuran ekoran perubahan kadar pinjaman asas. Sebaliknya bagi pembiayaan secara konvensional, ia tidak memberi penekanan terhadap perkara ini tetapi hanya memberi penekanan kepada pembentukan dan isi kandungan kontrak pembiayaan sahaja.⁷⁵

2.5.3 Barangan/ Aset Yang Dikontrakkan.

Pembiayaan kenderaan secara Islam juga menekankan bahawa kenderaan yang dibiayai itu mestilah digunakan untuk perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan syarak yang boleh merosakkan diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Oleh itu keterlibatan pembiayaan kenderaan dalam industri pengedaran dadah, pelacuran, arak, judi, babi dan hiburan yang melalaikan adalah diharamkan dan mestilah dijauhi. Sebaliknya bagi pembiayaan konvensional tidak begitu diberi penekanan terhadap larangan ini atas kesedaran beragama dan maruahnyanya, tetapi lebih kepada penekanan kepada perkara-perkara yang melanggar undang-undang, keselamatan rakyat dan negara. Di samping itu juga, pembiayaan secara konvensional hanya terhad kepada barangan pengguna sahaja yang dikenali sebagai barangan berakta, kenderaan bermotor dan barangan bukan berakta (korporat) sebagaimana yang terdapat dalam Akta Sewa Beli 1967.

2.5.4 Polisi Perlindungan Kenderaan.

Pembiayaan kenderaan secara Islam disyaratkan mempunyai perlindungan takaful sahaja jika amaun pembiayaan yang dibiayai adalah termasuk dengan premium perlindungan ke atas kenderaan tersebut. Sementara itu bagi jumlah pembiayaan yang tidak termasuk premium perlindungan, institusi perbankan dikehendaki menjadikan perlindungan takaful

⁷⁵ *Ibid.*, 224.

sebagai pilihan pertama.⁷⁶ Namun dalam keadaan tertentu, pengambilan polisi insurans konvensional dibenarkan (bagi pembiayaan yang tidak termasuk amaun premium perlindungan) dalam keadaan tertentu seperti yang telah disebutkan di sebelum ini. Sebaliknya bagi pembiayaan kenderaan secara konvensional, mereka tidak terikat dengan pengambilan insurans tertentu bagi melindungi kenderaan yang dibiayai sebagaimana Akta Sewa Beli 1967 yang hanya menekankan pengambilan insurans secara umum. Oleh itu mereka bebas untuk membuat pilihan termasuk mengambil perlindungan secara Islam dan ini dibenarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan BNM dengan syarat ia dilakukan secara berasingan dan tidak bersifat pakej.⁷⁷

2.5.5 Pengeanaan Ganti Rugi dan Penalti

Ganti rugi dan penalti juga boleh dikenakan ke atas pelanggan yang gagal menjelaskan bayaran balik pembiayaan dalam tempoh yang dipersetujui bersama. Ia dibenarkan berasaskan kerugian yang ditanggung pihak bank kerana tidak dapat menggunakan dana tersebut bagi tujuan pembiayaan yang lain dan pada masa yang sama terikat dengan tanggungjawab kepada pendeposit, pemegang saham dan kakitangannya. Bagi sesetengah sarjana Islam, ganti rugi (compensation) atau *ta'widh* adalah istilah yang sesuai yang digunakan bagi bank Islam kerana ia terhasil dari proses jual beli dengan bayaran ansuran yang dijanjikan pada waktunya. Sebaliknya penalti pula sesuai bagi bank konvensional kerana terhasil dari kontrak pinjaman semata-mata. Menurut sebahagian ulama,⁷⁸ keharusan ini berdasarkan *maṣlahah mursalah* dan tindakan mengenakan gantirugi ini adalah harus bagi menyekat orang ramai mempermainkan perbankan Islam dengan sengaja

⁷⁶ Pilihan pertama bermaksud institusi kewangan Islam hanya mengemukakan perlindungan takaful kepada pelanggan dan bukannya mengemukakan kedua-dua perlindungan takaful dan insurans konvensional secara serentak untuk dipilih oleh pelanggan. Lihat BNM, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua (2010), 68.

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ Antaranya ialah Syeikh Mustafa Az-Zarqa, Syeikh Muhammad Sadiq Ad-Dharir, Sheikh Abdullah bin Mani', Majlis Penasihat Shariah Bank Islam Jordan dan Fatwa Persidangan Dallah Al-Barakah.

tidak membayar atau melewatkan bayaran walaupun pada ketika mempunyai wang. Ia bersandarkan hadis daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda;

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ فَإِذَا أَتَبَعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ.

Terjemahan: Perbuatan melambatkan pembayaran hutang (dengan sengaja) oleh orang yang kaya adalah satu kezaliman. Apabila seseorang dari kamu piutangnya dipindahkan kepada orang lain yang kaya (yang mampu membayar), maka hendaklah dia menerimanya.⁷⁹

Dalam kewangan Islam terdapat dua bentuk gantirugi dan penalti yang dibenarkan iaitu *ta'wīdh* dan *gharāmah*. *Ta'wīdh* merupakan gantirugi yang dikenakan ke atas pelanggan kerana kelewatan pelunasan bayaran yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak berdasarkan kepada kerugian sebenar yang dialami pembiaya dan ia boleh dikira sebagai pendapatan kepada pihak pembiaya. Manakala *gharāmah* pula adalah penalti atau denda yang dikenakan ke atas pelanggan akibat dari perkara yang sama tanpa berdasarkan kepada kerugian sebenar yang dialami pembiaya dan ia tidak boleh dikira sebagai pendapatan dan perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan.⁸⁰ Setakat ini kadar *ta'wīdh* yang dikenakan adalah sebanyak 1 peratus dari ansuran yang tertunggak⁸¹ iaitu berada pada kadar yang agak minima dan tidak membebankan. Sebaliknya tunggakan dalam pembiayaan kenderaan secara konvensional ditangani melalui pengenaan faedah atau riba sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Akta Sewa Beli 1967 dengan kadar

⁷⁹ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Ḥawālāt, no. Hadith 2287. Lihat Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," dalam *The Translation of the Meanings of Sahih Bukhari*, ed. Muhammad Muhsin Khan (Riyadh: Darussalam, 1997), 3: 269; Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Buyū', bāb fī maṭl al-ghaniyy zulm wa al-ḥawālāt, no. Hadith 962. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin Hajjāj al-Qushayrī al-Nīsābūrī, dalam *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Zakī al-Dīn 'Abd al-'Azīm bin 'Abd al-Qawī bin Salāmah al-Munzirī al-Dimashqī (Damsyik: al-Maktab al-Islāmī, 1977), 2: 255.

⁸⁰ BNM, *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*, Edisi Kedua (2010), 129.

⁸¹ Sila rujuk dalam Surat Tawaran Kemudahan Pembiayaan Kenderaan (Lampiran 2), 3 dan dokumen Perjanjian BBA BIMB (Lampiran 3), 13 dan dokumen Perjanjian BBA BMMB (Lampiran 16), 5.

faedahnya agak tinggi dan membebankan pelanggan iaitu pada kadar 8 peratus setahun dan bersifat *compounding*.⁸²

2.5.6 Sumber Dana

Sumber dana atau modal bagi aktiviti pembiayaan secara Islam adalah dari sumber yang halal iaitu dari deposit pelanggan, pemegang saham dan juga pembiayaan yang diperolehi melalui kaedah yang dibenarkan oleh syarak. Deposit dari pelanggan adalah merupakan sumber terbesar dana bagi sesebuah institusi perbankan dan pembiayaan merupakan salah satu saluran penggunaannya bagi mendapat keuntungan. Deposit yang diterima oleh pihak bank tidak perlu diusulkan dari mana datang sumbernya kerana akan memberi kesulitan kepada kedua-dua pihak. Tetapi ia menjadi tanggungjawab pihak yang memberi memastikan sumber miliknya adalah benar-benar sah dan diperolehi melalui jalan yang dibenarkan syarak. Ia merupakan amanah yang perlu dijaga sebaiknya dengan membuat pelaburan dalam sektor yang menguntungkan dan tidak bertentangan dengan Syariah. Bagi pembiayaan secara konvensional, tidak ada sekatan bagi sumber dana yang diperolehi dari segi halal dan haramnya untuk digunakan sebagaimana dana yang digunakan dalam pembiayaan Islam.

2.5.7 Pertukaran Hakmilik

Hakmilik ke atas sesuatu aset itu amat dititikberatkan oleh Islam sebelum dapat dipindahkan kepada pihak lain. Jika pemilikan ke atas sesuatu barang itu tidak sempurna ia boleh menyebabkan sesuatu kontrak jual beli ataupun sewaan kepada pihak satu lagi menjadi tidak sah. Dalam pembiayaan kenderaan yang menggunakan konsep AITAB misalnya, pertukaran hakmilik berlaku dalam kontrak yang berbeza iaitu kontrak pertama

⁸² Razli Ramli dan Hasleenda Onn, *Islamic Hire-Purchase: Ijarah Thumma al-Bai' (AITAB)*, 8; Penalti ini akan dimasukkan ke dalam jumlah pinjaman dan jika kena penalti lagi, maka peratusan penalti akan disandarkan kepada jumlah pinjaman asal beserta penalti terdahulu.

al-ijārah, pembiayaan merupakan pemilik kepada kenderaan tersebut, manakala pelanggan merupakan penyewa yang tidak mempunyai kuasa pemilikan ke atasnya. Setelah berakhirnya tempoh sewaan, pelanggan dan pihak bank akan menandatangani kontrak yang kedua iaitu *al-bay'* bagi tujuan perpindahan hakmilik kenderaan tersebut kepada pelanggan. Kontrak-kontrak ini dibuat secara berasingan bagi menjelaskan kedudukan dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkontrak agar mudah difahami dan dipersetujui oleh mereka. Sementara itu bagi pembiayaan kenderaan yang menggunakan kaedah BBA, pemilikan ke atas kenderaan tersebut oleh pihak bank juga adalah jelas dimana pada awalnya bank memilikinya dengan membelinya dari pihak pengedar sama ada menerusi perlantikan wakilnya ataupun menerusi kaedah beli dan jual balik (*bay' al-ṭinah*) dengan pelanggan yang sama. Dokumen-dokumen berkaitan seperti surat tawaran dan penerimaan, surat perlantikan agen, perjanjian belian dan jualan adalah merupakan dokumen penting yang merujuk kepada pemilikan dan penjualan kenderaan tersebut. Namun dalam pembiayaan kenderaan secara konvensional, pertukaran hakmilik kenderaan tersebut berlaku secara automatik sebaik sahaja penyewa menjelaskan ansuran sewaan terakhir.⁸³

2.5.8 Asas Perundangan dan Akta Berkaitan

Pembiayaan kenderaan secara Islam tertakluk kepada undang-undang Syariah yang diperolehi dari dua sumber utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, juga ijmak, ijtihad dan qiyas. Elemen utama yang selalu ditekankan ke atas muamalat secara Islam ialah berkaitan dengan pengharaman riba, perjudian dan ketidaktentuan di samping tidak ketinggalan melarang unsur-unsur penipuan, penindasan dan monopoli. Di samping tertakluk kepada undang-undang dan prinsip Syariah yang tidak mempunyai akta yang khusus, ia juga tertakluk kepada Akta Sewa Beli 1967 yang mengikat urusan sewa beli secara menyeluruh serta akta-akta lain yang berkaitan seperti Akta Kontrak 1950, Akta Undang-undang Sipil

⁸³ Razli Ramli dan Hasleenda Onn, *Islamic Hire-Purchase: Ijarah Thumma al-Bai' (AITAB)*, 8.

dan sebagainya. Bagaimanapun pembiayaan kenderaan secara konvensional hanya terikat dengan undang-undang sivil sahaja terutamanya Akta Sewa Beli 1967 tanpa terikat dengan undang-undang dan prinsip-prinsip Islam.

2.6 Perkembangan dan Pencapaian Pembiayaan Kenderaan Secara Islam

Produk pembiayaan kenderaan secara Islam telah menjadi tumpuan perniagaan institusi perbankan Islam khususnya bagi segmen perbankan pengguna dan memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan sesebuah institusi perbankan. Ini kerana operasi dan penyediaan dokumentasinya agak ringkas, mampu menjana pulangan yang tinggi, pengawalan kredit yang mudah dan asetnya mudah dilupuskan walaupun dikatakan lebih berisiko berbanding produk pembiayaan lain. Terdapat 13 dari 17 buah institusi perbankan Islam yang ada di dalam negara ini sama ada tempatan ataupun asing menawarkan kemudahan ini kepada orang ramai.

Memandangkan ia lebih berisiko berbanding produk lain, perubahan pengawalan terhadapnya telah ditingkatkan dari masa ke semasa dan boleh diperhatikan kepada skop dan terma pembiayaan itu sendiri, penilaian kredit, kuasa kelulusan, kategori pelanggan dan kenderaan⁸⁴ di samping kerja-kerja pemantauan dan litigasi (tindakan undang-undang) yang menyusul kemudian. Penilaian dan kelulusan yang ketat ini diperkuatkan lagi dengan pelaksanaan garis panduan baru BNM bagi pembiayaan kenderaan yang mula dikuatkuasakan pada Januari 2012 yang lepas.⁸⁵ Sebelum itu, pelaksanaannya dilihat agak longgar dan menjejaskan kualiti aset pembiayaan itu sendiri dalam jangka panjang. Contohnya dari segi kuasa kelulusan yang berada di peringkat cawangan dan pada masa

⁸⁴ Kategori pelanggan yang menjadi keutamaan kepada pihak pembiaya ialah kakitangan yang mempunyai pendapatan tetap di sektor kerajaan, badan berkanun dan separuh kerajaan manakala jenis kenderaan pula ialah kenderaan baru sama ada nasional dan bukan nasional.

⁸⁵ Garis panduan baru ini mengkehendaki institusi perbankan menilai kelayakan seseorang berdasarkan pendapatan bersih setelah mengambil kira potongan berkanun seperti cukai pendapatan, KWSP dan hutang-hutang lain dan bukan lagi sekadar bergantung kepada pendapatan kasar yang dipraktikkan sebelum ini. "Garis panduan baru Bank Negara lindungi pengguna," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12 .

sama cawangan diberikan sasaran jualan yang tinggi untuk dicapai, penawaran pembiayaan kenderaan terpakai dengan terma yang longgar dan lain-lain lagi yang akhirnya memberi kesan negatif kepada institusi perbankan tersebut dalam aspek susulan dan litigasi. Dengan perubahan kuasa kelulusan dari peringkat cawangan ke peringkat ibupejabat (centralized approval), penambahbaikan dalam penilaian kredit, semakan rekod pembiayaan sedia ada yang lebih menyeluruh berdasarkan laporan *Central Credit Reference Information System (CCRIS)*, *Financial Information System (FIS)*, *Credit Tip Off System (CTOS)* dan rekod dalaman sedia ada, skop dan terma pembiayaan yang lebih terhad dan ketat serta tindakan susulan yang diperkemas dan berpusat, kualiti aset produk pembiayaan kenderaan menjadi bertambah baik dan menjana pendapatan yang lebih tinggi. Kualiti pembiayaan ini dipadankan dengan kadar pembiayaan yang lebih rendah, tempoh pembiayaan yang lebih panjang sehingga 9 tahun, pembayaran balik yang lebih fleksibel,⁸⁶ margin pembiayaan yang lebih tinggi dan sebagainya yang banyak memberi kemudahan kepada pelanggan.

Pelaksanaan garis panduan baru BNM itu juga pada awalnya memberi kesan kepada industri automotif negara hingga menyebabkan penyusutan jualan kenderaan pada awal tahun 2012.⁸⁷ Ekoran dari itu sesetengah pihak termasuk pengedar kenderaan baru dan terpakai telah merayu kepada kerajaan khususnya BNM melonggarkan sedikit syarat yang terkandung dalam garis panduan tersebut. Jika keadaan ini berterusan, mereka bercadang melaksanakan sistem pajakan kenderaan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad kepada pelanggan korporatnya.⁸⁸ Berbeza dengan

⁸⁶ Ini termasuklah kaedah pembayaran balik yang pelbagai dan penangguhan bayaran bulanan pembiayaan bagi pelanggan yang terjejas akibat banjir. "Maybank tangguh ansuran pinjaman akibat banjir," *BH*, 31 Disember 2012, B3.

⁸⁷ "Penjual kereta boleh gulung tikar," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12; Penyusutan jualan ini berlaku ke atas jenis kenderaan peringkat kemasukan (kenderaan pertama) terutamanya model Viva dengan penurunan 19 peratus dalam jualan suku pertama 2012 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. "PERODUA minta proses beli kereta dipercepat," *BH*, 30 April 2012, E2; "Pekema rayu longgar syarat pinjaman kereta," *Utusan Malaysia*, 15 Mei 2012, 19.

⁸⁸ "PERODUA pertimbang skim pajakan individu," *BH*, 5 Mac 2012, E1. Ia ditawarkan menerusi anak syarikatnya, DRB-Hicom Leasing Sdn Bhd melalui perkhidmatan 'My Lease', iaitu satu skim pemajakan

pembiayaan kenderaan di institusi perbankan, skim pajakan kenderaan mempunyai kelebihan tersendiri kepada pelanggan antaranya ialah penjimatan dalam bayaran pendahuluan, tidak terbeban dengan kos penyelenggaraan, pembaharuan cukai jalan dan insurans serta bebas menukarkan kenderaan lain pada bila-bila masa tanpa perlu memikirkan tentang nilai jualan semula. Kesemua tanggungan ini secara amnya masih lagi rendah berbanding pembiayaan kenderaan biasa. Di samping itu, sesetengah pengedar atau pengeluar kenderaan seperti Toyota telahpun mempunyai syarikat kreditnya sendiri iaitu Toyota Capital, khusus menawarkan kemudahan pembiayaan kepada pelanggan yang membeli kenderaan keluaran mereka.

Industri pembiayaan kenderaan secara Islam telah mengalami persaingan sengit di kalangan institusi perbankan yang menawarkannya terdiri dari institusi tempatan dan asing. Kemasukan institusi perbankan Islam asing dalam industri perbankan negara mulai 2004 ekoran proses globalisasi dan liberalisasi telah memberi sedikit sebanyak kesan kepada penawaran produk pembiayaan kenderaan dan institusi perbankan Islam tempatan. Institusi-institusi perbankan ini mempunyai kedudukan yang lebih kukuh dari segi modal, kepakaran dan teknologi di arena antarabangsa. Mereka memperkenalkan konsep pembiayaan kenderaan yang berbeza⁸⁹ dari konsep sedia ada yang ditawarkan oleh institusi tempatan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dengan pakej yang menarik kepada pelanggan. *Trend* sebegini memberi impak yang baik kepada industri keseluruhannya dan masing-masing berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Ini termasuklah menawarkan kadar yang lebih rendah, proses kelulusan yang cepat, pakej bersama dengan produk lain dan sebagainya. Di samping ciri-ciri menarik yang terdapat dalam pembiayaan itu sendiri, hubungan dengan pengedar

kenderaan komprehensif pertama di Malaysia. Sebagai permulaannya ia ditawarkan kepada pelanggan korporat sebelum diperluaskan kepada individu sebelum hujung tahun 2012 dan ia telahpun popular di United Kingdom dan Amerika Syarikat. "EON perkenal skim pajakan kenderaan," *BH*, 28 Februari 2012, E1.

⁸⁹ Konsep yang diperkenalkan oleh mereka biasanya dengan nama *Murabahah to the Purchase Orderer* sepertimana yang telah digunakan oleh Kuwait Finance House dan al Rajhi Bank.

kenderaan dan wakil jualan juga mempengaruhi jualan produk pembiayaan kenderaan secara Islam ini di institusi perbankan berkenaan. Pelbagai program bersama diatur antara institusi perbankan dan pihak pengedar seperti aktiviti promosi, menempatkan pegawai pemasaran di premis pengedar, pemberian kemudahan modal pusingan dan sebagainya.

Dalam aspek susulan pula, kebanyakan institusi perbankan lebih mengutamakan usaha-usaha kutipan di peringkat awal dengan kaedah mencegah lebih baik dari mengubati bagi mengelak berlakunya penarikan balik kenderaan, tindakan undang-undang yang boleh membawa kepada kebangkrapan dan seumpamanya. Ini termasuklah membuat penjadualan semula terhadap akaun-akaun tertunggak, menerima bayaran minima bagi akaun-akaun tertunggak 3 bulan dan melakukan *written off* bagi akaun yang tertunggak melebihi setahun. Tindakan undang-undang di peringkat akhir (*execution of judgement*) dan penarikan kenderaan adalah usaha terakhir yang diambil setelah kerja-kerja kutipan menemui jalan buntu. Ini kerana tindakan sedemikian tidak banyak menyelesaikan masalah malah menyebabkan pihak bank terpaksa menanggung kos-kos tersebut terlebih dahulu, hasil jualan kenderaan selepas dilelong tidak banyak dapat menyelesaikan baki pembiayaan dan mengambil tempoh yang agak lama untuk diselesaikan. Ia juga sejajar dengan kehendak kerajaan supaya orang ramai terhindar dari disenarai hitam (*blacklisted*). Penubuhan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) atas inisiatif BNM merupakan salah satu usaha membantu orang ramai yang menghadapi masalah pembayaran pembiayaan mereka dengan pihak institusi kewangan. Penyeneraian hitam nama pelanggan dan penjamin dalam FIS dan CTOS merupakan salah satu cara institusi perbankan memperolehi semula baki pembiayaan yang masih ada dan menjadi kebiasaan kepada pelanggan dan penjamin menyelesaikannya jika ingin mendapatkan pembiayaan lain dari institusi perbankan.

Perkembangan terkini menunjukkan pembiayaan kenderaan merupakan pembiayaan yang paling tinggi terbabit dalam kes kebangkrapan iaitu 25.21 peratus

berbanding dengan pembiayaan-pembiayaan lain.⁹⁰ Ia mencakupi 20 peratus dari jumlah pembiayaan dalam sektor isi rumah dengan kedudukan di tempat kedua tertinggi selepas pembiayaan perumahan. Kajian terperinci sudah dibuat BNM menunjukkan peminjaman isi rumah semakin meningkat sejak 10 tahun lalu dengan mencatatkan peningkatan pada kadar tahunan 12.5 peratus pada Disember 2011 dengan nisbahnya 76.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).⁹¹ Rekod Jabatan Insolvensi Malaysia juga menunjukkan jumlah kes muflis yang didaftarkan meningkat hampir setiap tahun pada kadar 5.5 peratus setahun dan lebih 50 ribu daripada jumlah keseluruhan orang muflis adalah terdiri dari golongan muda yang berusia bawah 34 tahun.⁹² Berdasarkan statistik Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sehingga April 2012, sebanyak 14.7 juta kenderaan berdaftar dan masih aktif digunakan dengan jumlah penduduk negara ini hanya 29 juta orang. Statistik turut mencatatkan lebih 300 ribu individu memiliki antara lima dan lebih kenderaan.⁹³ Senario ini agak membimbangkan dan tindakan BNM memperkenalkan garis panduan baru mengetatkan syarat pembiayaan kenderaan pada Januari 2012 adalah amat bertepatan. Ia adalah untuk menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus serta memastikan sektor isi rumah dan pasaran kredit kekal berdaya tahan. Pengalaman yang dilalui beberapa negara menunjukkan peminjaman yang berlebihan dan peningkatan keberhutangan memberi kesan buruk kepada ekonomi.

⁹⁰ Pembiayaan persendirian di tempat kedua sebanyak 13.15 peratus, pembiayaan perumahan 12.31 peratus, pembiayaan perniagaan 11.26 peratus dan kad kredit 4.9 peratus. "241,740 orang diisytihar bankrap," *BH*, 4 Disember 2012, 13; Menurut Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, pelanggan pembiayaan kenderaan paling tinggi kerana kebanyakan mereka berpendapatan rendah tetapi ingin memiliki kenderaan tidak setara dengan pendapatan masing-masing. "Hutang kereta paling ramai diisytihar muflis," *Berita Harian*, 7 Disember 2011, 14.

⁹¹ "Garis panduan baru Bank Negara lindungi pengguna," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12; Kadar ini dikatakan masih tinggi jika dibandingkan dengan rantau lain namun tidak setinggi Australia dan Korea Selatan dengan masing-masing melebihi 100 peratus dan 90 peratus. "Perketat pembiayaan langkah kawal hutang," *Utusan Malaysia*, 23 November 2011, 19; "Hutang warga Korea Selatan turun," *BH*, 25 Disember 2012, B8.

⁹² "50,000 muflis muda," *BH*, 28 Oktober 2012, 1.

⁹³ Namun daripada jumlah kenderaan yang masih aktif itu, 10 juta daripadanya sudah berusia melebihi 6 tahun sekaligus memberi gambaran ramai yang mampu memiliki kenderaan tanpa mengalami masalah pembayaran. "Polisi baru elak rakyat boros, tambah hutang," *Berita Minggu*, 27 Mei 2012, 12.

Pembiayaan kenderaan secara Islam kini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa berbanding pembiayaan secara konvensional. Ini kerana pembiayaan secara Islam tidak mengenakan caj tambahan yang tinggi ketika berlaku tunggakan, komitmen terhadap pembiayaan adalah lebih jelas dengan harga jualan yang tetap dan kontrak pembiayaan dilaksanakan secara jelas dan telus. Statistik BNM menunjukkan peningkatan peratusan jumlah aset pembiayaan kenderaan secara Islam dari setahun ke setahun melebihi pembiayaan secara konvensional. Walaupun aset pembiayaan kenderaan secara konvensional masih besar, peningkatan peratusannya lebih rendah iaitu tidak sampai 10 peratus setahun berbanding pembiayaan secara Islam. Sehingga bulan Ogos 2013, aset pembiayaan kenderaan secara Islam keseluruhannya adalah sebanyak RM62,714.3 juta (RM55,074.2 juta adalah aset bagi pembiayaan kenderaan penumpang) iaitu merangkumi 40 peratus manakala pembiayaan konvensional sebanyak RM92,261.3 juta iaitu 60 peratus.⁹⁴ Jadual di bawah menunjukkan aset dan peratusan peningkatan pembiayaan kenderaan secara Islam dan konvensional bagi lima tahun yang lepas;

Jadual 2.3 Perubahan Aset Pembiayaan Kenderaan Secara Islam dan Konvensional

Tahun	Islam		Konvensional		Jumlah	
	RM (Juta)	Peratus	RM (Juta)	Peratus	RM (Juta)	Peratus
2008	33,570.7	-	80,890.7	-	114,461.4	-
2009	39,164.1	16.66	82,357.6	1.81	121,521.7	6.17
2010	44,959.0	14.80	84,475.0	2.57	129,434.0	6.51
2011	52,468.8	16.70	87,426.6	3.49	139,895.4	8.08
2012	57,008.5	8.66	92,166.7	5.42	149,175.2	6.63

Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia, www.bnm.gov.my (25 Julai 2013)

⁹⁴Bank Negara Malaysia, dicapai 13 November 2013, <http://www.bnm.gov.my/> Monthly Statistical Bulletin/Banking System: Classification of Loans by Types, Islamic Banking System: Financing by Types.

Berdasarkan statistik BNM lagi, setakat bulan Disember 2012 juga aset pembiayaan kenderaan secara Islam yang dimiliki oleh institusi perbankan Islam di dalam negara adalah yang tertinggi (seperti yang ditunjukkan di atas) dalam sektor pembiayaan perbankan pengguna (isi rumah) secara Islam diikuti oleh pembiayaan perumahan sebanyak RM47,746.5 juta dan pembiayaan peribadi sebanyak RM25,591.5 juta.⁹⁵

2.7 Kesimpulan

Pembiayaan kenderaan secara Islam dalam industri perbankan telah dipelopori oleh BIMB sejak awal penubuhannya. Walau bagaimanapun ia tidak begitu berkembang disebabkan beberapa faktor seperti kurang diberikan tumpuan sebagai perniagaan utama dan kekurangan kepakaran di peringkat awal pengenalannya sehinggalah ke penghujung dekad 1990-an. BBA adalah kaedah Islam terawal digunakan dalam pembiayaan kenderaan secara Islam di Malaysia dan diikuti oleh AITAB di awal pengenalan SPTF 1993. BBA menggunakan kaedah asas jual beli sementara AITAB pula berasaskan sewaan yang mempunyai persamaan dengan kaedah sewa beli kenderaan konvensional. Kedua-dua kaedah ini dibangunkan oleh BIMB dan dikembangkan oleh institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan secara Islam termasuklah bank-bank perdagangan, syarikat kewangan, jabatan kerajaan dan pertubuhan koperasi. Secara keseluruhannya industri pembiayaan kenderaan secara Islam mulai rancak pada tahun 2000 dan ke atas ekoran persaingan yang sengit dalam industri ini dengan kemasukan lebih banyak syarikat-syarikat kewangan dalam SPI, penubuhan bank Islam kedua, BMMB dan penumpuan kepada pembiayaan ini oleh BIMB itu sendiri. Ia merupakan aktiviti pembiayaan utama

⁹⁵ Pembiayaan perumahan secara konvensional merupakan aset terbesar dalam kumpulan pembiayaan pengguna keseluruhan sistem perbankan dengan jumlah asetnya sebanyak RM244,952.7 juta berbanding dengan pembiayaan perumahan Islam yang hanya berjumlah RM47,746.5 juta. Namun dalam pembiayaan peribadi pula pembiayaan secara Islam adalah tinggi iaitu sebanyak RM25,591.5 juta sedangkan pembiayaan secara konvensional hanya berjumlah RM7,904.4 juta sahaja. Lihat Bank Negara Malaysia, dicapai 28 Oktober 2013, [http://www.bnm.gov.my/Monthly Statistical Bulletin/Banking System: Classification of Loans by Types](http://www.bnm.gov.my/Monthly%20Statistical%20Bulletin/Banking%20System:%20Classification%20of%20Loans%20by%20Types).

syarikat-syarikat kewangan sebelum pengenalan SPTF dan berterusan selepas itu dengan perubahan kaedah pembiayaan secara Islam sehinggalah penyerapan institusi tersebut dalam kumpulan perbankan utama bermula tahun 2005. Kini pembiayaan kenderaan secara Islam telah menjadi bidang tumpuan utama, ditawarkan oleh kebanyakan institusi perbankan Islam dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat. Ciri-ciri menarik yang ada dalam pembiayaan ini antaranya tidak mengenakan bunga apabila berlaku tunggakan bayaran, kontrak yang dimeterai adalah lebih jelas, mengutamakan dan melindungi hak dan tanggungjawab pihak yang terlibat. Peratus peningkatan asetnya telah berkembang dari tahun ke tahun sejak kebelakangan ini melebihi konvensional dan mampu menyaingi pembiayaan tersebut dari segi jumlah aset keseluruhannya dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Justeru itu beberapa aspek perlu diberi perhatian bagi menyokong operasinya supaya dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna sejajar dengan kehendak syarak.

Pembiayaan kenderaan secara Islam tidak mempunyai akta yang khusus yang benar-benar sesuai dengan kehendak Islam. Walau bagaimanapun operasinya tertakluk kepada Akta Sewa Beli 1967 yang khusus mengawal operasi sewa beli secara konvensional dan kes-kes yang berkaitan akan dibicarakan di mahkamah sivil. Penggubalan akta baru pasti merumitkan kerana melalui pelbagai tapisan sebelum diluluskan dan jalan terbaik yang harus dilakukan dengan membuat pindaan terhadap akta sedia ada. Antaranya ialah dengan memasukkan peruntukan tambahan yang sesuai dengan sewa beli secara Islam atau meminda mana-mana peruntukan yang bercanggah dengan prinsip Islam. Pindaan ini dilihat sebagai satu keperluan bagi mengukuhkan operasi pembiayaan kenderaan secara Islam sebagai pelengkap kepada pindaan Akta BNM 2009 yang mulai memberi ruang kepada undang-undang muamalat Islam mendapat kedudukan di mahkamah sivil.